

*LAPORAN STATUS HAK PENDIDIKAN
KANAK-KANAK ORANG ASLI*



**Level 29, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
603-2612 5600 (T)
603-2612 5620 (F)
humanrights@suhakam.org.my**

Cetakan Pertama 2010 / First Printing, 2010
© Hak Cipta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), 2010
© Copyright Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM), 2010

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA /
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA
E-mail: humanrights@suhakam.org.my
URL: [http:// www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my)

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
(Nama & alamat pencetak)
RDA PRESS SDN. BHD.
NO. 3, JALAN 60/10,
TAMAN KOPERASI POLIS, FASA 2.
68100 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN (K.L)

Hakcipta laporan ini adalah milik SUHAKAM. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada SUHAKAM. SUHAKAM menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran SUHAKAM.

The copyright of this report belongs to SUHAKAM. All or any part of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made or with SUHAKAM'S permission. SUHAKAM assumes no responsibility, warranty and liability or implied by another reproduction of this publication which is done without SUHAKAM's permission.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan - dalam - Penerbitan

Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli

ISBN 978-983-2523-61-1



1. Indigenous people- Malaysia - Education, 2. Indigenous people - Malaysia
- Social conditions.
305.8992309595

KATA PENGHANTAR

Penerbitan laporan STATUS HAK PENDIDIKAN KANAK-KANAK ORANG ASLI ini adalah hasil kajian, perjumpaan-perjumpaan dan program-program yang telah dijalankan oleh SUHAKAM dari tahun 2000 sehingga 2008. Laporan ini membentangkan isu dan permasalahan persekolahan kanak-kanak Orang Asli dikaji dari segi hak mereka untuk mendapat pendidikan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Perundangan Negara dan Perundangan Antarabangsa, khususnya dari perspektif Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC). Kandungan Laporan ini mengambil kira pendapat-pendapat serta syor-syor yang dikemukakan oleh masyarakat Orang Asli sendiri dalam perjumpaan-perjumpaan yang telah diadakan dengan mereka.

Pihak SUHAKAM ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan yang telah menyumbang idea dan tenaga ke arah menyediakan laporan ini. Penerbitan laporan ini diharap dapat memberi sumbangan kepada usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh semua agensi yang terlibat dalam menangani isu pendidikan Orang Asli. Semoga masa depan kanak-kanak masyarakat Orang Asli dalam alam pendidikan akan lebih terbela dan terjamin.

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI DATO' DR. ASIAH ABU SAMAH

Pengerusi

Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

KANDUNGAN

Muka Surat

LAPORAN EKSEKUTIF		i
GLOSARI		vi
BAB 1	LATAR BELAKANG LAPORAN STATUS HAK PENDIDIKAN ORANG ASLI	1
BAB 2	HAK PENDIDIKAN ORANG ASLI MENGIKUT PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	9
BAB 3	DATA KEMASUKAN DAN KECICIRAN KANAK-KANAK ORANG ASLI	19
BAB 4	PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM MENANGANI ISU PENDIDIKAN KANAK-KANAK ORANG ASLI	27
BAB 5	PROGRAM SUHAKAM MENGENAI HAK PENDIDIKAN KANAK KANAK ORANG ASLI TAHUN 2002 HINGGA 2008	35
BAB 6	ISU PENDIDIKAN KANAK-KANAK ORANG ASLI	43
BAB 7	SYOR SUHAKAM	57
BAB 8	RUMUSAN	63

SENARAI LAMPIRAN		67
LAMPIRAN 1	POPULASI MENGIKUT SUKU KAUM	69
LAMPIRAN 2	BILANGAN MURID ORANG ASLI DI SEKOLAH MURID ORANG ASLI 2007 DAN 2008	70
LAMPIRAN 3	BILANGAN MURID ORANG ASLI TIADA SIJIL KELAHIRAN DI SEKOLAH MURID ORANG ASLI TAHUN 2007	73
LAMPIRAN 4	KEPUTUSAN UJIAN 2M DI SK SUNGAI TIANG, GERIK PERAK	76
LAMPIRAN 5	SURAT PEKELILING IKHTISAS: BIL. 1/2009 KEMASUKAN KANAK-KANAK WARGANEGARA MALAYSIA TANPA DOKUMEN KE SEKOLAH	77
LAMPIRAN 6	PEKELILING BIASISWA BIL. 1 TAHUN 2006 PEMBERIAN BANTUAN MURID/ PELAJAR DI BAWAH KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN	79
LAMPIRAN 7	SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 2 TAHUN 2008 RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DI SEKOLAH RENDAH	104
GALERI FOTO		110



LAPORAN EKSEKUTIF

1.0 Permasalahan Kajian

Berdasarkan pengalaman bekerja dengan Orang Asli, SUHAKAM mendapati masyarakat Orang Asli menghadapi masalah mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Di sesetengah tempat, SUHAKAM mendapati kanak-kanak Orang Asli tidak bersekolah langsung. Malah, ramai di antara mereka yang tidak menamatkan persekolahan.

Terdapat pelbagai faktor dan sebab yang menyumbang kepada masalah pendidikan ini. Antaranya adalah penempatan mereka yang jauh di pedalaman, tiada kemudahan bersekolah, kemiskinan tegar, sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan ketidakprihatinan agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu-isu pendidikan kanak-kanak tidak bersekolah langsung.

2.0 Tujuan Kajian

Oleh itu, laporan ini bertujuan untuk melihat permasalahan mengenai isu persekolahan kanak-kanak Orang Asli dan hak mereka terhadap pendidikan. Laporan ini akan meninjau hak pendidikan yang termaktub dalam perundangan negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, laporan ini akan memberi gambaran terhadap peranan dan usaha yang diambil oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia dan JHEOA dalam menangani masalah pendidikan Orang Asli. Selain itu, laporan ini akan menggariskan program-program yang telah dijalankan oleh SUHAKAM berkaitan dengan hak pendidikan Orang Asli sejak penubuhannya pada tahun 2000.

Di akhir laporan, SUHAKAM mengemukakan syornya supaya pihak yang berkenaan dapat mengambil langkah sewajarnya dalam mengatasi atau mengurangkan masalah yang berkaitan dengan hak pendidikan untuk Orang Asli. SUHAKAM berharap satu perbincangan dengan semua pihak yang terbabit dapat diadakan dan satu pelan tindakan yang komprehensif dapat dibentuk dalam usaha menangani masalah ini.

3.0 Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid Sekolah Kanak-Kanak Orang Asli

3.1 Pengangkutan ke Sekolah

Ibu bapa menyatakan antara punca anak-anak mereka tidak ke sekolah ialah kerana masalah pengangkutan dan ketiadaan jalan penghubung ke kampung mereka. Selain itu, kenderaan yang disediakan adalah usang dan kerap rosak.

3.2 Pemerolehan Dokumen Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan

Pemerolehan sijil kelahiran dan kad pengenalan adalah salah satu isu yang lama dan sehingga kini belum ada penyelesaiannya. Ia menjadi antara punca utama kanak-kanak Orang Asli tidak bersekolah dan menyambung pelajaran mereka.

3.3 Bantuan Peralatan dan Kelengkapan Persekolahan

Infrastruktur yang disediakan kerap kali tidak mencukupi dan tidak berkualiti. Selain daripada itu, peralatan dan bantuan kerap tidak sampai pada waktunya.

3.4 Rancangan Makan Tambahan (RMT)

Program ini adalah satu program untuk membantu kanak-kanak dari keluarga yang miskin untuk hadir ke sekolah. Namun, kualiti makanan yang disediakan kerap kali didapati tidak memuaskan dan menepati menu yang disediakan. Selain daripada itu juga, cara pengagihan RMT ini kepada murid Orang Asli kerap dipersoalkan oleh ibu bapa mereka.

3.5 Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

SUHAKAM mendapati ada pelbagai interpretasi berhubung cara pengagihan wang KWAPM ini oleh guru-guru sekolah sehingga menimbulkan rungutan dan syak wasangka oleh ibu bapa kerana tidak ada keseragaman dalam prosedur dan kaedah memberi bantuan wang ini.

3.6 Keprihatinan Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru

Ramai ibu bapa dan murid Orang Asli menyatakan bahawa terdapat pihak pentadbir sekolah dan guru tidak prihatin tentang kehadiran mereka di sekolah mahupun dalam kelas, khususnya di sekolah menengah. Mereka mengatakan terdapat segelintir pihak pentadbir dan guru yang mengeluarkan kata-kata dan tindak-tanduk yang membuatkan murid Orang Asli merasa terpinggir, terhina dan rendah diri. Sekolah yang ditadbirurus oleh Pengetua, Guru Besar dan guru-guru seperti ini memberi kesan kepada kehadiran murid Orang Asli.

3.7 Pengajaran dan Pembelajaran

SUHAKAM mendapati masih terdapat jurang pencapaian antara kanak-kanak arus perdana dengan kanak-kanak Orang Asli dalam penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira. SUHAKAM dimaklumkan bahawa murid-murid Orang Asli khususnya dari kawasan pedalaman menghadapi kesukaran memahami bahasa Melayu. Selain daripada itu, kurikulum yang sedia ada tidak mengambil kira perbezaan latar belakang kanak-kanak ini.

3.8 Penempatan Guru Besar dan Guru-Guru

Terdapat pimpinan sekolah yang kurang komitmen dan motivasi ditempatkan di sekolah Orang Asli. Ibu bapa memaklumkan bahawa pihak pimpinan sekolah seringkali tiada di sekolah. Sekolah pula mempunyai ramai guru-guru baru yang tidak berpengalaman mengajar dan mengurus sekolah. Akibatnya, banyak berlaku pelanggaran dasar dan ketidakpatuhan kepada arahan-arahan perintah am oleh kepimpinan sekolah dan guru-guru.

3.9 Sikap Ibu Bapa dan Murid Orang Asli

Ada di kalangan ibu bapa Orang Asli yang tidak memberi penekanan kepada pendidikan anak-anak mereka walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai jenis agensi kerajaan dan NGO. Terdapat ibu bapa yang mempunyai mentaliti subsidi yang tinggi sehinggakan kesemua perbelanjaan persekolahan anak mereka perlu ditanggung oleh kerajaan termasuk makan dan minum anak-anak mereka.

3.10 Kanak-Kanak Yang Tidak Dapat Bersekolah

SUHAKAM mendapati tidak ada satu agensi pun yang mengumpul data mengenai kanak-kanak Orang Asli yang tidak dapat bersekolah atau yang tidak bersekolah. Oleh itu, tiada perancangan yang dibuat oleh mana-mana agensi untuk mengatasi isu kanak-kanak yang tidak dapat bersekolah atau yang tidak bersekolah khususnya di peringkat sekolah rendah.

3.11 Satu Agensi Untuk Mengurus Pendidikan Orang Asli

Peserta bengkel kerap kali mencadangkan supaya urusan pendidikan anak-anak mereka diuruskan oleh satu agensi sahaja kerana terdapat pelbagai masalah apabila ianya diuruskan oleh beberapa agensi. Antara masalah yang sering berlaku ialah percanggahan maklumat, kecelaruan mengenalpasti punca sumber maklumat dan bantuan, mengenalpasti tempat untuk mengadu dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu isu.

4.0 SYOR SUHAKAM

4.1 Pengangkutan

- i. SUHAKAM mencadangkan supaya JHEOA berusaha menyelesaikan masalah pengangkutan di kawasan yang terlibat;
- ii. SUHAKAM mencadangkan supaya JHEOA mewujudkan unit pengangkutannya sendiri; dan
- iii. SUHAKAM mencadangkan supaya disediakan jalan penghubung untuk memudahkan pengangkutan di kawasan terpencil.

4.2 Pemerolehan Dokumen Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan

JHEOA dicadangkan supaya menjalankan lebih banyak 'Operasi Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan' seperti yang dijalankan di Gua Musang, Kelantan dan Grik, Perak. Operasi tersebut terbukti berjaya mengurangkan bilangan kanak-kanak Orang Asli yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan.

4.3 Bantuan Peralatan dan Kelengkapan Persekolahan

JHEOA dan KPM disarankan agar menilai semula sistem pemantauan pengurusan bantuan dari aspek kualiti dan kuantiti bahan serta piawai bahan ke daerah pedalaman.

4.4 Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

Pihak sekolah disyorkan supaya mengamalkan konsep sekolah mesra murid terutamanya mengenai agihan RMT di sekolah murid Orang Asli supaya tidak timbul salah faham dan rungutan daripada pelajar dan ibu bapa.

4.5 Bantuan Kewangan JHEOA dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

- i. Jabatan Pelajaran Negeri sewajarnya mengambil langkah bagi memastikan tidak berlaku pencairan maklumat kepada pegawai pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan guru-guru, khususnya di sekolah yang ada murid Orang Asli dan juga sekolah pedalaman.
- ii. Bantuan kepada kanak-kanak Orang Asli haruslah sampai pada waktunya kepada mereka yang berhak tanpa berlaku kelewatan.

4.6 Keprihatinan Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru

- i. Pihak pengurusan sekolah dan guru-guru di sekolah menengah dan rendah yang mempunyai murid Orang Asli perlulah mempunyai sikap mesra Orang Asli. Keprihatinan pihak pengurusan sekolah dan guru-guru akan menyebabkan murid-murid ini merasa harga diri dan maruah mereka terjaga.
- ii. Adalah dicadangkan supaya pihak ibu bapa dan komuniti setempat dilibatkan seramai dan sekerap mungkin dalam aktiviti dan program sekolah supaya mereka dapat merasakan bahawa mereka turut menyumbang kepada pendidikan anak mereka.

4.7 Pengajaran dan Pembelajaran

Adalah dicadangkan supaya KPM melihat semula sistem penyampaian dan pemantauan terhadap semua program yang sedang dilaksanakan bagi mengelakkan pencairan dalam pelaksanaan program-program sehingga menjejaskan hasrat KPM untuk membangunkan murid Orang Asli. Bahagian yang berkenaan dicadangkan melihat semula pendekatan mereka kepada keperluan unik kanak-kanak Orang Asli dalam aspek kurikulum, ko-kurikulum, penilaian, bahan mengajar, bahan bantu mengajar dan budaya belajar mereka. Punca kenapa masih ramai murid Orang Asli tidak dapat menguasai 3M perlu dikenalpasti bagi menangani masalah tersebut.

4.8 Penempatan Guru Besar dan Guru

- i. KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri diharap dapat menyemak semula amalan penempatan guru-guru baru yang tidak berpengalaman dalam mengajar di sekolah pedalaman pada kadar yang tinggi di sesebuah sekolah. Ini boleh menjejaskan hasrat murni KPM dalam memperkasakan sekolah-sekolah pedalaman.
- ii. Bagi memastikan keberkesanan pengurusan sekolah, pengajaran dan pembelajaran, pemilihan guru besar dan guru boleh dibuat dengan mengambil kira kecemerlangan mereka bekerja, kemahiran menyelesaikan masalah dan mempunyai sikap mesra Orang Asli.

4.9 Sikap Ibu Bapa dan Murid Orang Asli

Ibu bapa yang masih tidak memberi penekanan terhadap kepentingan pendidikan anak-anak mereka hendaklah dibantu mengubah sikap mereka. SUHAKAM mencadangkan agar program motivasi yang dilaksanakan oleh JHEOA dipertingkatkan lagi dari segi kandungan dan pendekatannya.

4.10 Kanak-Kanak Yang Tidak Dapat Bersekolah

JHEOA diharap dapat mengumpul data dan maklumat mengenai penempatan di mana terdapat anak-anak tidak bersekolah. Maklumat seperti ini akan dapat membantu KPM merancang kaedah yang sesuai bagi memastikan semua kanak-kanak Orang Asli bersekolah.

4.11 Satu Agensi Untuk Mengurus Pendidikan Orang Asli

KPM telah pun menubuhkan unit khas bagi menyelaras isu-isu pendidikan kaum pribumi di Bahagian Pendidikan Khas. Kemungkinan unit khas ini boleh mengelola semua hal-hal pendidikan untuk memudahkan penyelarasan. Syor ini juga telah dikemukakan oleh Pelapor Khas Pendidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya ditubuhkan satu unit khas bagi menguruskan pendidikan Orang Asli.

GLOSARI

SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
COAC	Center For Orang Asli Concerns
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KWAPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
RMT	Rancangan Makanan Tambahan
KAP	Kurikulum Bersepadu Murid Orang Asli dan Penan
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Menulis dan Membaca
PKMOA	Program Khas Murid Orang Asli
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Malaysia
UN DRIP	United Nation Declaration on the Rights of Indigenous Peoples
UDHR	Universal Declaration of Human Rights
CRC	Convention on The Rights of The Child
RPS	Rancangan Penempatan Semula
OKU	Orang Kurang Upaya

BAB 1
LATAR BELAKANG



1.0 Tujuan Laporan

Laporan ini bertujuan untuk melihat permasalahan mengenai isu persekolahan kanak-kanak Orang Asli dan hak mereka terhadap pendidikan. Laporan ini akan meninjau hak pendidikan yang termaktub dalam perundangan negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Selain itu, laporan ini akan menggariskan program-program yang telah dijalankan oleh SUHAKAM berkaitan dengan hak pendidikan Orang Asli sejak penubuhannya pada tahun 2000.

Seterusnya, laporan ini akan memberi gambaran terhadap peranan dan usaha yang diambil oleh agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam menangani masalah pendidikan Orang Asli.

Di akhir laporan ini, SUHAKAM akan cuba untuk menyenaraikan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli berhubung isu pendidikan. Berdasarkan ini, SUHAKAM telah membuat perbincangan dengan masyarakat Orang Asli dan mengemukakan syor atau cadangan untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan pendidikan Orang Asli.

Syor dan cadangan SUHAKAM ini kebanyakannya ditujukan kepada agensi kerajaan dan masyarakat Orang Asli itu sendiri. SUHAKAM berharap satu perbincangan susulan yang lebih mantap dapat diadakan untuk meneliti semua syor diberikan serta merancang pelaksanaan syor tersebut.

1.1 Permasalahan Kajian

Maklumat dan data yang diperolehi oleh SUHAKAM melalui lawatan-lawatan ke kampung Orang Asli, program dan perbincangan dengan Orang Asli, dialog bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta perbincangan dengan agensi Kerajaan menunjukkan bahawa isu pendidikan seperti keciciran dan bilangan kanak-kanak tidak bersekolah masih menjadi salah satu masalah utama.

Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan pendidikan sekolah rendah sebagai wajib, masih tidak banyak perubahan dari segi kehadiran di kalangan kanak-kanak Orang Asli. Selain itu, penguasaan kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) di kalangan murid-murid ini juga dimaklumkan tidak memberangsangkan. Oleh itu, SUHAKAM berpendapat adalah perlu untuk mengetahui secara mendalam punca dan sebab masalah ini berlaku.

Tinjauan awal SUHAKAM mendapati terdapat beberapa sebab kanak-kanak Orang Asli tidak bersekolah langsung. Antaranya adalah penempatan mereka yang jauh di pedalaman dan tiada kemudahan bersekolah, kemiskinan tegar, sikap ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak dan ketidakprihatinan agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu-isu pendidikan kanak-kanak tidak bersekolah langsung.

1.2 Definisi Orang Asli

Menurut Akta Orang Asli 1954, Seksyen 3(1) mentakrifkan Orang Asli sebagai :

- (a) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dilahirkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli;
- (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli.

Mengikut rekod Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), sehingga 2006 terdapat lebih kurang seramai 141,230 Orang Asli yang mewakili 0.6% daripada jumlah rakyat Malaysia. Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan kaum iaitu kaum Negrito (terdiri dari enam suku kaum), Senoi (terdiri dari tujuh suku kaum) dan Melayu Proto (terdiri dari enam suku kaum). Setiap suku kaum ini mempunyai bahasa dan tradisi mereka sendiri.

Jadual 1: Populasi Mengikut Kaum Tahun 2003 dan 2006

Kategori	Populasi 2003	Populasi 2006
Negrito	4,001	3,671
Senoi	81,826	79,155
Melayu Proto	61,585	58,404
JUMLAH	147,412	141,230

Sumber: (i) Center for Orang Asli Concern (COAC) Populasi 2003

(ii) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Populasi 2006

Data dalam Jadual 1 menunjukkan populasi Orang Asli pada tahun 2003 dan 2006. Data ini menunjukkan terdapat trend menurun dari segi populasi bagi ketiga-tiga kaum. JHEOA memaklumkan bahawa penurunan ini adalah kerana Orang Asli yang tinggal di bandar tidak diambil kira dalam bancian pada tahun 2006.

Jadual 2: Kategori Kaum dan Suku Kaum Orang Asli

Kategori	Suku Kaum
Negrity	Kensiu Kintak Jahai Lanoh Mendriq Batek
Senoi	Semai Temiar Jah Hut Che Wong Mah Meri Semaq Beri Temoq
Melayu Proto	Temuan Semelai Jakun Orang Kanaq Orang Kuala Orang Seletar

Sumber: Jaringan Orang Asal Malaysia (JOAS) 2008

Jadual 2 pula menunjukkan perincian mengenai populasi 19 suku kaum berkenaan. Seseengah daripada suku kaum ini agak besar populasinya, contohnya, ada lebih 30,000 orang dari suku kaum Semai dan lebih 20,000 orang dari suku kaum Temuan dan suku kaum Jakun. Walaubagaimanapun, suku kaum Mendriq, Lanoh, Bateq dan Jahut adalah suku kaum yang kecil. Bilangan mereka tidak melebihi 3,000 orang sahaja. Suku kaum yang kecil ini dikhuatiri akan pupus jika tiada bantuan dari pihak yang berwajib. Mengikut JHEOA, terdapat 79,155 orang kaum Senoi, 58,404 orang Melayu Proto dan 3671 orang Negrity pada tahun 2006.

Jadual 3 menunjukkan trend pertambahan populasi Orang Asli seramai 103,516 orang dalam jangka masa 43 tahun, iaitu dari 43,896 orang pada tahun 1960 kepada 147,412 orang pada tahun 2003.

Jadual 3 : Populasi Orang Asli Dari Tahun 1960-2003

Tahun	Populasi Orang Asli	%
1960	43,896	-
1965	45,985	4.8
1969	52,943	15.1
1974	56,927	7.5
1989	72,039	26.6
1993	92,959	29.0
1998	116,119	24.9
2000	133,775	15.2
2003	147,412	10.1

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2009

Rajah 1 menunjukkan taburan kedudukan tiga kaum dan suku kaum Orang Asli.

Rajah 1: Taburan Kedudukan Suku Kaum Orang Asli



Nota: Peta ini adalah anggaran kedudukan taburan suku kaum Orang Asli dan peta ini tidak menggambarkan taburan tepat sempadan tradisional suku kaum Orang Asli

Sumber : *Center for Orang Asli Concern (COAC)*



BAB 2
HAK PENDIDIKAN ORANG ASLI
MENGIKUT PERUNTUKAN
UNDANG-UNDANG



2.0 Dasar Kerajaan dan Antarabangsa Mengenai Pendidikan Orang Asli

Terdapat beberapa undang-undang di peringkat domestik dan antarabangsa yang menjamin hak pendidikan Orang Asli. Walaupun kebanyakan undang-undang kebangsaan tidak merujuk secara khusus kepada Orang Asli, namun secara umumnya ia menjamin hak pendidikan Orang Asli.

Triti hak asasi di peringkat antarabangsa juga banyak yang menyebut mengenai hak pendidikan Orang Asal sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Berikut adalah beberapa perundangan dalam negara dan triti hak asasi manusia di peringkat antarabangsa yang berkaitan dengan hak pendidikan.

2.1 Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan tidak merujuk secara khusus kepada hak pendidikan Orang Asli. Namun, ia menyatakan bahawa tiada sebarang diskriminasi dibenarkan dari segi kemasukan dan bantuan kewangan yang diberikan untuk tujuan pendidikan.

Perkara 12: Hak berkenaan dengan pendidikan.

- (1) Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 8¹, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.
 - (a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran yuran; atau
 - (b) dalam memberikan bantuan kewangan daripada wang sesuatu pihak berkuasa awam bagi penyenggaraan atau pendidikan murid-murid atau pelajar di mana-mana institusi pendidikan (sama ada disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam atau tidak dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan).

2.2 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Artikel 17 Orang Asli tidak boleh dilarang masuk ke mana-mana sekolah

- (1) "Tiada kanak-kanak Orang Asli boleh dihalang daripada pergi ke mana-mana sekolah semata-mata oleh sebab dia Orang Asli".

1 Perkara 8 adalah berkenaan kesamarataan di sisi undang-undang

(2) “Tiada kanak-kanak Orang Asli yang pergi ke mana-mana sekolah boleh diwajibkan menghadiri apa-apa pengajaran agama melainkan jika persetujuan bapanya atau ibunya jika bapanya telah mati, atau penjaganya, jika kedua-dua ibu bapanya telah mati, telah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah terlebih dahulu dan disampaikan oleh Ketua Pengarah secara bertulis kepada guru besar sekolah berkenaan itu.”²

(3) “Mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.”

2.3 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih (Hingga 15hb Disember 2003)

Pada tahun 2003,³ Akta Pelajaran 1996 telah dipinda untuk menjadikan pendidikan asas iaitu pendidikan sekolah rendah adalah wajib. Ini bermakna setiap kanak-kanak berusia 6-12 tahun harus mengikuti sistem persekolahan (sekolah rendah). Pindaan ini adalah selaras dengan Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

Pindaan ini mempunyai implikasi yang tinggi terhadap komuniti Orang Asli kerana tidak semua kanak-kanak Orang Asli yang bersekolah.

Berikut adalah seksyen 29(a) yang telah dipinda untuk menjadikan pendidikan sekolah rendah wajib.

Seksyen 29 (A)

(1) menyatakan “Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib”.

(2) tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.

2 Menurut En. Lim Heng Seng dari Lee Hishamuddin, Allen & Gledhill dalam kertas beliau “The Rights of Orang Asli as prescribed in The Current Laws of Malaysia” yang dibentangkan dalam *The In-Depth Discussion on Native Customary Land Rights of The Orang Asli* anjuran SUHAKAM pada 13 Jun 2009 menyatakan “Rights To Education...in regard to education no positive obligations are imposed; General rights is found in Federal Constitution and Education Act; and however, the Act Section 17(2) prohibits the exclusion of any Orang Asli children from attending any school...”

3 Pendidikan Wajib dan Percuma bagi sekolah rendah diwartakan pada tahun 2002 dan berkuatkuasa pada tahun 2003

(3) Menteri boleh, jika difikirkan wajar dan demi kepentingan murid atau awam untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada kehendak supaya mengikuti pendidikan wajib, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu.

(4) Ibu bapa yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan peruntukan seksyen ini.

2.4 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948

Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat pula menyatakan pendidikan asas harus dijadikan wajib dan diberikan secara percuma. Perisytiharan ini juga menyatakan bahawa pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak adalah bertujuan untuk perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan mengukuhkan rasa hormat.

Perkara 26 (1)

“Setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberi percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya. Pelajaran peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pelajaran teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pelajaran tinggi hendaklah mempunyai akses yang sama rata kepada semua atas dasar kebolehan”.

Perkara 29 (2)

“Pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkukuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia. Ianya hendaklah memupuk persefahaman, kesabaran dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan agama dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu demi memelihara keamanan”.

2.5 United Nation Declaration on the Rights of Indigenous Peoples (UN-DRIP), 2007

UN-DRIP telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada September 2007 setelah berdebat hampir dua dekad. Dokumen ini membincangkan hak Orang Asal di seluruh dunia yang dianggarkan berjumlah 370 juta orang.

Secara umumnya, Deklarasi ini menggesa perlindungan terhadap hak asasi Orang Asal dari segi :

- i. hak komuniti mereka;
- ii. jati diri;
- iii. penglibatan mereka dalam membuat keputusan yang melibatkan mereka;
- iv. menentukan keutamaan atau keperluan mereka;
- v. hak pembangunan yang mampan dan berterusan;
- vi. hak mengamalkan budaya mereka; dan
- vii. bebas dari segala bentuk diskriminasi.

Perkara 14 dan 15 UN-DRIP menyatakan hak pendidikan masyarakat Orang Asal seperti berikut:

Article 14

1. Indigenous peoples have the right to establish and control their educational systems and institutions providing education in their own languages, in a manner appropriate to their cultural methods of teaching and learning.

2. Indigenous individuals, particularly children, have the right to all levels and forms of education of the State without discrimination.

3. States shall, in conjunction with indigenous peoples, take effective measures, in order for indigenous individuals, particularly children, including those living outside their communities, to have access, when possible, to an education in their own culture and provide in their own language.

Article 15

1. Indigenous peoples have the right to the dignity and diversity of their cultures, traditions, histories and aspirations which shall be appropriately reflected in education and public information.

2. States shall take effective measures, in consultation and cooperation with the indigenous peoples concerned, to combat prejudice and eliminate discrimination and to promote tolerance, understanding and good relations among indigenous peoples and all other segment of society.

2.6 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak telah diratifikasikan oleh Malaysia pada Februari 1995. Hak kanak-kanak yang dinyatakan dalam konvensyen ini juga meliputi masalah pendidikan kanak-kanak Orang Asli.

Perkara 2 : Tiada Diskriminasi

“Semua hak terpakai bagi kanak-kanak tanpa kecualian. Adalah menjadi obligasi Negara untuk melindungi kanak-kanak daripada apa-apa bentuk diskriminasi dan untuk mengambil tindakan yang positif untuk memajukan hak mereka”.

Perkara 28 : Pendidikan

“Kanak-kanak mempunyai hak terhadap pendidikan, dan kewajipan Negara untuk memastikan bahawa pendidikan utama percuma dan wajib, menggalakkan pendidikan menengah dalam berbagai bentuk yang mudah diperolehi oleh setiap kanak-kanak dan untuk menjadikan pendidikan tinggi diadakan kepada semua atas dasar keupayaan. Disiplin sekolah hendaklah selaras dengan hak dan kemuliaan kanak-kanak itu. Negara hendaklah melibatkan diri dalam kerjasama antarabangsa untuk melaksanakan hak ini.”

Perkara 29 : Matlamat Pendidikan

“Pendidikan hendaklah mempunyai matlamat untuk mengembangkan personaliti, bakat dan kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak pada tahap potensi yang paling tinggi. Pendidikan hendaklah menyediakan kanak-kanak itu untuk kehidupan dewasa yang aktif dalam atau masyarakat yang bebas dan memupuk rasa hormat bagi ibu bapa kanak-kanak, bahasa dan nilainya sendiri, dan bagi latar belakang kebudayaan dan nilai belakang kebudayaan dan nilai orang lain”.

Perkara 30 : Hak Kanak-Kanak Minoriti atau Penduduk Asli

“Kanak-kanak daripada komuniti minoriti dan penduduk Asli mempunyai hak untuk menikmati kebudayaan mereka sendiri dan mengamalkan bahasa dan agama mereka sendiri”.

2.7 ILO Convention (No. 169) concerning Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries.

Konvensyen ini merupakan satu lagi dokumen hak asasi di peringkat antarabangsa yang mengiktiraf hak Orang Asal. Berikut adalah beberapa peruntukan yang menyatakan mengenai pendidikan masyarakat ini:

Part VI. Education and Means of Communication

Article 26

“Measures shall be taken to ensure that members of the peoples concerned have the opportunity to acquire education at all levels on at least an equal footing with the rest of the national community.”

Article 27

1. Education programmes and services for the peoples concerned shall be developed and implemented in co-operation with them to address their special needs, and shall incorporate their histories, their knowledge and technologies, their value systems and their further social, economic and cultural aspirations. They shall participate in the formulation, implementation and evaluation of plans and programmes for national and regional development which may affect them directly.

2. The competent authority shall ensure the training of members of these peoples and their involvement in the formulation and implementation of education programmes, with a view to the progressive transfer of responsibility for the conduct of these programmes to these peoples as appropriate.

3. In addition, governments shall recognise the right of these peoples to establish their own educational institutions and facilities, provided that such institutions meet minimum standards established by the competent authority in consultation with these peoples. Appropriate resources shall be provided for this purpose.”

Article 28

1. Children belonging to the peoples concerned shall, wherever practicable, be taught to read and write in their own indigenous language or in the language most commonly used by the group to which they belong. When this is not practicable, the competent authorities shall undertake consultations with these peoples with a view to the adoption of measures to achieve this objective.

2. *Adequate measures shall be taken to ensure that these peoples have the opportunity to attain fluency in the national language or in one of the official languages of the country.*

3. *Measures shall be taken to preserve and promote the development and practice of the indigenous languages of the peoples concerned.*

Article 29

The imparting of general knowledge and skills that will help children belonging to the peoples concerned to participate fully and on an equal footing in their own community and in the national community shall be an aim of education for these peoples.

Article 30

1. *Governments shall adopt measures appropriate to the traditions and cultures of the peoples concerned, to make known to them their rights and duties, especially in regard to labour, economic opportunities, education and health matters, social welfare and their rights deriving from this Convention.*

2. *If necessary, this shall be done by means of written translations and through the use of mass communications in the languages of these peoples.*

Article 31

Educational measures shall be taken among all sections of the national community, and particularly among those that are in most direct contact with the peoples concerned, with the object of eliminating prejudices that they may harbour in respect of these peoples. To this end, efforts shall be made to ensure that history textbooks and other educational materials provide a fair, accurate and informative portrayal of the societies and cultures of these peoples.

Rumusan

Kesemua peruntukan-peruntukan negara dan antarabangsa ini menunjukkan pendidikan adalah penting dan harus disediakan dengan mengambilkira faktor budaya dan cara hidup komuniti, penggunaan bahasa sendiri dan tidak ada diskriminasi. Akses kepada pendidikan merupakan hak asasi manusia dan pendidikan mempunyai kuasa untuk mengubah. Negara seharusnya memenuhi tanggungjawab hak kanak-kanak mendapat pendidikan khasnya di peringkat sekolah rendah dan memberi mereka kemahiran yang mereka perlukan untuk meneruskan pendidikan sepanjang hayat.



BAB 3
DATA KEMASUKAN DAN
KECICIRAN ORANG ASLI



3.0 Pengenalan

Pendidikan adalah mustahak dalam membentuk generasi muda yang dapat memainkan peranan penting di dalam perkembangan sesebuah masyarakat mengikut keadaan dunia semasa. Oleh itu, adalah penting pihak yang bertanggungjawab memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan asas, khasnya kaum minoriti yang tinggal di pedalaman dan kawasan terpinggir. Di Malaysia, pendidikan di peringkat sekolah rendah telah diwajibkan melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih (Hingga 15hb Disember 2003) seperti yang disebutkan di dalam Bab 2. Oleh itu, adalah wajar bagi pihak berkuasa untuk memberi perhatian terhadap kemasukan kanak-kanak Orang Asli ke sekolah.

3.1 Laporan “State of the World’s Minorities and Indigenous Peoples 2009”

Laporan “State of the World’s Minorities and Indigenous Peoples 2009” oleh Minority Rights Group International (MRG) menyatakan bahawa separuh daripada 101 juta kanak-kanak di dunia yang tidak bersekolah adalah kanak-kanak daripada kaum minoriti atau kaum pribumi. Para pakar dari UNICEF juga memperakui kenyataan ini.

Pengarah Eksekutif MRG, Mark Lattimer menyatakan bahawa anggaran tersebut adalah satu angka yang konservatif kerana ada negara di mana bilangan kanak-kanak tidak bersekolah mencapai sehingga 80%. Namun begitu, beliau melaporkan terdapat kemajuan di seluruh dunia dalam masa satu dekad ini mengenai bilangan kanak-kanak yang bersekolah sekurang-kurangnya di peringkat sekolah rendah. Tetapi, halangan yang perlu dihadapi ialah mengekalkan mereka dalam sekolah dan mendapatkan mereka yang langsung tidak bersekolah.

3.2 Status Kemasukan ke Sekolah

Di negara kita masih terdapat kanak-kanak yang tidak pernah bersekolah dan yang tercicir dari alam persekolahan. Mengikut laporan Kementerian Pelajaran Malaysia, pada tahun 2009 terdapat 125,080 orang kanak-kanak yang tidak bersekolah langsung.

Mengikut data daripada Kementerian Pelajaran Malaysia lagi, pada tahun 2007, terdapat 16,715 murid Orang Asli yang berdaftar di sekolah 100% murid Orang Asli. Sementara itu, Jadual 4 menunjukkan bilangan murid pada tahun 2009 ialah seramai 16,770 orang. Perbandingan kedua-dua data ini menunjukkan terdapat peningkatan dari segi bilangan murid seramai 55 orang dalam jangka satu tahun.

Jadual 4 menunjukkan penurunan bilangan murid di negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan. Walaubagaimanapun, terdapat peningkatan bilangan murid di negeri Perak, Johor, Kelantan dan Terengganu.

Jadual 4: Perbandingan Bilangan Murid Sekolah Rendah Di Sekolah 100% Murid Orang Asli Pada Tahun 2007 dan Tahun 2009

	Negeri	Bil. Sekolah	Murid Tahun 2007	Murid Tahun 2009
1	Perak	28	4,896	5,198
2	Pahang	26	6,046	5,783
3	Johor	10	791	820
4	Selangor	11	1,545	1,332
5	Kelantan	12	2,656	2,965
6	Negeri Sembilan	4	630	490
7	Terengganu	2	151	182
	JUMLAH	93	16,715	16,770

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Tahun 2009

Kanak-kanak Orang Asli juga terdapat di sekolah arus perdana. Jadual 5 menunjukkan bilangan sekolah rendah di arus perdana yang terdapat murid Orang Asli.

Jadual 5: Bilangan Murid Orang Asli Yang Bersekolah Rendah Di Seluruh Negara Pada 31 Januari 2009

Bil.	Negeri	Jumlah Keseluruhan Murid Orang Asli			
		Bil. Sek. Rendah			
			L	P	Jumlah
1	Perak	121	3,935	3,985	7,920
2	Selangor	70	1,180	1,152	2,332
3	Pahang	158	5,214	5,194	10,408
4	Kelantan	14	1,491	1,478	2,969
5	Johor	73	861	905	1,766
6	Kedah	1	14	14	28
7	Melaka	23	120	116	236
8	N. Sembilan	59	762	705	1,467
9	Pulau Pinang	2	11	2	13
10	Terengganu	3	95	89	184
11	W.Persekutuan, Kuala Lumpur	9	5	5	10
	JUMLAH	533	13,688	13,645	27,333

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Tahun 2009

Merujuk Kepada Jadual 4 dan 5, didapati ramai kanak-kanak Orang Asli bersekolah di sekolah 100% murid Orang Asli dibandingkan dengan sekolah arus perdana. Jumlah ini mencatatkan perbezaan sebanyak 10,563 orang murid.

3.3 Perangkaan Dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Jadual 6 menunjukkan populasi murid Orang Asli di peringkat sekolah rendah dari tahun 2004 sehingga 2008. Data menunjukkan terdapat peningkatan dalam bilangan jumlah murid pada setiap tahun, tetapi trend menurun mula kelihatan pada Tahap II (Tahun 4, 5 dan 6). Sila rujuk Jadual 6 untuk perincian dan Jadual 6(a) serta Jadual 6(b) Contoh:

Pada tahun 2004, bilangan murid adalah seramai 4,225 dan menaik pada Tahun 2 dan Tahun 3 sehingga seramai 4,725 orang iaitu pertambahan sebanyak 500 orang murid. Tetapi, bilangan murid mulai menurun pada Tahun 4, 5 dan 6.

Jadual 6 : Data Murid Orang Asli Di Sekolah Rendah Tahun 2004-2008

TAHUN	THN.1	THN. 2	THN. 3	THN. 4	THN. 5	THN. 6	JUMLAH
2004	4,225	4,535	4,598	4,258	4,012	3,726	25,354
2005	4,190	4,537	4,852	4,564	4,244	3,853	26,240
2006	4,307	4,315	4,725	4,719	4,746	4,099	26,911
2007	4,776	4,088	4,416	4,576	4,543	4,392	26,791
2008	5,528	4,395	4,194	4,339	4,474	4,423	27,353

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Tahun 2009

Jadual 6 (a) Contoh Trend Kehadiran Murid Mengikut Korhot

TAHUN	THN.1	THN. 2	THN. 3	THN. 4	THN. 5	THN. 6	JUMLAH
2004	4,225	4,535	4,598	4,258	4,012	3,726	25,354
2005	4,190	4,537	4,852	4,564	4,244	3,853	26,240
2006	4,307	4,315	4,725	4,719	4,746	4,099	26,911
2007	4,776	4,088	4,416	4,576	4,543	4,392	26,791
2008	5,528	4,395	4,194	4,339	4,474	4,423	27,353

Contoh:

Pada tahun 2004, bilangan murid Tahun 1 adalah seramai 4,225 orang dan meningkat pada Tahun 2 dan Tahun 3 sehingga mencecah seramai 4,725 orang. Namun, bilangan murid mulai menurun pada Tahun 4 dari 4,725 ke 4,576 iaitu pengurangan seramai 149 orang dan pada Tahun 5 menurun lagi dari 4,576 ke 4,474 iaitu seramai 102 orang. Keadaan yang sama berlaku pada murid Tahun 2 pada tahun 2004. Walaubagaimanapun, trend murid bagi Tahun 4, 5 dan 6 agak berbeza kerana tiada trend menaik sebaliknya terus kepada trend menurun kecuali Tahun 4 pada tahun 2005 di mana berlaku pertambahan murid Tahun 4 dari 4,564 orang ke 4,746 apabila kohort ini berada di Tahun 5 pada tahun 2006. Bagaimanapun, jumlah murid di Tahun 6 kembali menunjukkan pengurangan kepada 4,392 pada tahun 2007.

Jadual 6(b) Contoh Trend Kehadiran Murid Mengikut Korhot

TAHUN	THN. 1	THN. 2	THN. 3	THN. 4	THN. 5	THN. 6	JUMLAH
2004	-	-	-	4,258	4,012	3,726	25,354
2005	-	-	-	4,564	4,244	3,853	26,240
2006	-	-	-	4,719	4,746	4,099	26,911
2007	-	-	-	4,576	4,543	4,392	26,791
2008	-	-	-	4,339	4,474	4,423	27,353

Trend keciciran murid anak Orang Asli adalah dalam lingkungan 32.8% ke 43.9% dari tahun 2001 hingga ke 2007. Jadual 7 menunjukkan dalam jangka masa 7 tahun (2001 ke 2007) seramai 9,088 daripada 25,131 kanak-kanak Orang Asli tidak meneruskan pelajaran ke Tingkatan 1 setelah tamat Tahun 6. Sila rujuk Jadual 7 mengenai trend keciciran murid dari tahun 2001 hingga 2007.

Jadual 7 : Bilangan Murid Orang Asli Tidak Menyambung Pelajaran ke Tingkatan 1

MURID TAMAT DARJAH 6		MURID DAFTAR TINGKATAN 1		BIL. CICIR (MURID)	PERATUS KECICIRAN (%)
TAHUN TAMAT	BIL.	TAHUN DAFTAR	BIL.		
2001	2,849	2002	1,882	967	33.9
2002	3,333	2003	1,869	1,464	43.9
2003	3,368	2004	2,261	1,107	32.8
2004	3,726	2005	2,358	1,368	36.7
2005	3,814	2006	2,586	1,228	32.2
2006	3,775	2007	2,685	1,414	34.5
2007	4,266	2008	2,726	1,540	36.1
Jumlah	25,131		16,367	9,088	

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Tahun 2009

Selain isu keciciran, didapati ada kanak-kanak Orang Asli yang tidak bersekolah langsung. Jadual 8 menunjukkan bilangan kanak-kanak yang tidak pernah bersekolah mengikut negeri. Kanak-kanak ini tidak bersekolah atas pelbagai sebab. Antara sebab-sebab mereka tidak bersekolah ialah kerana ketiadaan kemudahan untuk bersekolah yang disediakan oleh pihak yang berkenaan.

Mengikut perangkaan dari JHEOA, pada tahun 2007 masih terdapat 7,029 kanak-kanak Orang Asli yang tidak bersekolah langsung. Sila rujuk Jadual 8. Negeri yang dibanci adalah negeri yang mempunyai sekolah 100% murid Orang Asli dan mempunyai banyak penempatan Orang Asli.

Jadual 8 : Bilangan Kanak-Kanak Orang Asli Tidak Bersekolah Langsung Pada Tahun 2007 Mengikut Negeri

Negeri	Bilangan Kanak-Kanak Tidak Bersekolah			Jumlah
	5-6 Tahun	7-12 Tahun	13-18 Tahun	
Kelantan/Terengganu	51	15	17	83
Selangor	567	96	753	1,416
Perak/Kedah	524	1,088	362	1,974
Johor	659	173	229	1,061
Negeri Sembilan	9	47	484	540
Pahang	743	543	669	1,955
	2,553	1,962	2,514	7,029

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Tahun 2009



BAB 4
PERANAN AGENSI KERAJAAN
DALAM ISU PENDIDIKAN
KANAK-KANAK ORANG ASLI



4.0 Pengenalan

Pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli telah mendapat perhatian agensi Kerajaan. Justeru, agensi-agensi Kerajaan telah berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli. Pihak Kerajaan juga menyediakan beberapa kemudahan dan bantuan untuk kanak-kanak Orang Asli.

Bagi tujuan laporan ini, tumpuan diberi pada peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi berikut:

- i. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM);
- ii. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA);
- iii. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); dan
- iv. Jabatan Kesihatan.

4.1 Peranan dan Usaha Kementerian Pelajaran Malaysia

Pembangunan pendidikan di negara ini pada peringkat awalnya lebih tertumpu kepada pembinaan sekolah di bandar-bandar. Peluang menikmati pendidikan bagi penduduk luar bandar dan pedalaman kurang diberi perhatian. Akibatnya, wujud ketidaksamarataan dan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar serta di antara masyarakat arus perdana dan masyarakat minoriti. Menyedari keadaan ini, KPM telah mengambil pelbagai langkah untuk merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar. Sebagai langkah permulaan, KPM telah mengambil alih pengurusan kesemua sekolah-sekolah yang diuruskan oleh JHEOA pada tahun 1996. Langkah-langkah seterusnya adalah seperti berikut:

- i. Menguatkuasakan Pendidikan Wajib dan Percuma pada tahun 2003.
Akta Pelajaran 1996 telah dipinda supaya pendidikan sekolah rendah adalah wajib dan semua kanak-kanak warganegara Malaysia berumur 6-12 tahun harus berada di sekolah seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2.
- ii. Meningkatkan Kadar Penyertaan dan Mengurangkan Keciciran
Pihak KPM menekankan penguasaan 3M (Menulis, Membaca, Mengira), Program KIA2M (Kelas Intervensi Awal Menulis dan Membaca) dan Program PKMOA (Program Khas Murid Orang Asli). Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran 3M murid Orang Asli yang tidak melepasi markah 30% dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik pada Tahun 2. Bagi murid yang tidak melepasi markah 30% pada Tahun 2, mereka akan memasuki kelas pemulihan untuk selama satu tahun. Murid-murid ini dibenarkan berada di sekolah rendah dengan tambahan 1 tahun, menjadi 7 tahun.

Pada tahun 2007, Jemaah Nazir Sekolah telah memantau program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) di 90 buah sekolah daripada 93 buah sekolah 100% murid Orang Asli. Bilangan keseluruhan murid Tahun 1 di sekolah-sekolah ini pada tahun 2007 ialah seramai 4,776. Seramai 1,436 murid Tahun 1 telah ditapis dan didapati seramai 389 orang murid telah menguasai kemahiran 2M, sementara seramai 1,047 orang murid belum menguasai kemahiran 2M. Mereka ini akan mengikuti Program Pemulihan di Tahun 2 pada tahun 2008.

- iii. Memperkenalkan Sekolah Model Khas (K9) di Negeri Pahang (SK Bandar Baru 2, Paloh Hinai, Pekan, Pahang)
Sekolah ini menggunakan konsep Konvensional 9 (K9) yang menggabungkan enam tahun pendidikan rendah dan tiga tahun pendidikan menengah rendah dalam satu premis. Kemudahan asrama yang lengkap disediakan di sekolah yang sama. Ini adalah antara usaha untuk mengurangkan kadar keciciran di kalangan murid Orang Asli.
- iv. Perlaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Orang Asli dan Penan (KAP).
Kurikulum ini bermula pada tahun 2007 dengan 6 buah sekolah di semenanjung yang muridnya 100% kanak-kanak Orang Asli. Kurikulum ini adalah kurikulum khas yang direkabentuk untuk memenuhi keperluan unik murid Orang Asli bertujuan merapatkan jurang pencapaian akademik. Pada tahun 2009, sebanyak 20 buah sekolah telah melaksanakan kurikulum berkenaan.
- v. Peruntukan Khas Untuk KAP
KPM juga telah menyediakan peruntukan RM2,500.00 untuk sekolah yang melaksanakan kurikulum KAP (20 buah sekolah). Peruntukan ini adalah untuk membantu sekolah menyediakan keperluan bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada 3 minggu pertama persekolahan di mana ibu bapa turut dilibatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- vi. Latihan Khas Untuk Guru-Guru Daerah Pedalaman
Sebanyak 5 buah Institut Pendidikan Guru (IPGM) sedang melatih guru-guru pelatih baru mulai tahun 2009, khususnya untuk ditempatkan di sekolah-sekolah pedalaman.
- vii. Latihan Dalam Perkhidmatan
Selain daripada itu, Bahagian Pendidikan Guru juga menjalankan latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru yang sedang mengajar di sekolah Orang Asli, khususnya di sekolah 100% murid Orang Asli. Mereka akan diberi latihan selama 14 minggu bagi membantu mereka menjadi guru yang lebih berkesan.
- viii. Kelas Dewasa Ibu Bapa
Selain dari latihan guru, KPM mengadakan kelas dewasa untuk ibu bapa Orang Asli di semua sekolah 100% murid Orang Asli bagi membantu membasmi buta huruf dan juga untuk memotivasikan anak-anak mereka supaya hadir ke sekolah. Mereka akan mengikuti kelas ini selama 100 hari dalam setahun. Program ini bermula pada tahun 2008.
- ix. Bantuan kepada Pelajar Miskin.
 - a. Rancangan Makanan Tambahan (RMT)
Rancangan RMT⁴ ini bertujuan untuk membantu murid yang layak di Sekolah Harian Biasa termasuk murid Orang Asli. Semenjak tahun 2007, KPM telah meningkatkan kadar bayaran dari RM1.20 kepada RM1.80 di Semenanjung Malaysia bagi tiap-tiap murid. (Sila rujuk Lampiran 7)

4. RMT telah dilaksanakan mulai tahun 1979 sebagai langkah untuk menyediakan bantuan makanan berkhasiat kepada murid miskin termasuk murid Orang Asli. Kriteria pemilihan murid yang layak RMT adalah daripada keluarga berpendapatan kurang RM400 atau perkapita RM80 ke bawah. Sumber : Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010

- b. **Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)**
Kesemua murid Orang Asli di Sekolah Murid Orang Asli 100% mendapat KWAPM⁵ secara automatik. Walaubagaimanapun, murid Orang Asli yang bersekolah di sekolah arus perdana masih perlu memenuhi syarat seperti kanak-kanak lain. (Sila rujuk Lampiran 6)
- c. **Bantuan Makanan Asrama**
Bantuan ini diberi kepada semua murid Orang Asli yang tinggal di asrama. KPM telah meningkatkan kadar bayaran makanan asrama dari RM6.70 kepada RM12.00 seorang sehari semenjak tahun 2007.
- d. **Pemberian Buku Teks**
Kemudahan bantuan buku teks percuma telah dipanjangkan kepada semua murid sekolah termasuk semua murid Orang Asli.
- e. **Skim Baucer Tuisyen**
Skim Baucer Tuisyen ini bertujuan untuk membantu murid miskin untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik mereka. Murid-murid akan dikenalpasti oleh pihak sekolah dan kelas tuisyen akan dijalankan oleh pihak sekolah menggunakan bahan pengajaran yang telah disediakan oleh KPM. Guru akan dibayar mengikut bilangan murid yang didaftarkan iaitu RM10.00 seorang murid.
- f. **Elaun Pakaian Seragam Unit Beruniform**
Pada tahun 2008, KPM memperkenalkan Elaun Pakaian Seragam Unit Beruniform kepada murid sekolah rendah dan menengah daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Kemudahan ini turut dipanjangkan kepada murid Orang Asli yang menyertai unit Pakaian Seragam.

5. Tabung KWAPM telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Satu Surat Ikatan Amanah telah diluluskan pada 10 April 2003 dengan tujuan memberi bantuan kepada murid/pelajar miskin untuk mendapat dan meneruskan pendidikan di sekolah, di samping meningkatkan kecemerlangan pencapaian pendidikan mereka. Penubuhan KWAPM adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang mula berkuatkuasa pada Januari 2003. Bantuan ini telah dipanjangkan kepada murid-murid Orang Asli. Pada tahun 2008 KWAPM telah diberikan secara automatik kepada semua murid Orang Asli yang bersekolah di Sekolah Murid Orang Asli. * sekiranya murid/pelajar tidak mempunyai sijil lahir, pengesahan dari Jabatan Pendaftaran Negara adalah perlu. Bagi murid/pelajar Orang Asli, pengesahan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli adalah perlu. Sumber: Bahagian Biasiswa (KPM) pada tahun 2008; *Pekeliling Biasiswa Bil. 1 Tahun 2006 Pemberian Bantuan Murid/Pelajar Di Bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin*

4.2 Peranan dan Usaha Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)

Dalam menangani isu-isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli, JHEOA pula telah menjalankan langkah-langkah berikut⁶ :

- i. Menyediakan keperluan diri di asrama seperti berus gigi, ubat gigi dan sabun diberi 2 bulan sekali.
- ii. Memberi wang saku pelajar sebanyak RM2.00 sehari (Sekolah Menengah sahaja).
- iii. Membayar yuran dan pelbagai bagi murid yang tidak mendapat KWAPM bagi murid Orang Asli di Sekolah Harian Biasa.
- iv. Membekalkan pakaian seragam sekolah (Tahun 1 dan Tingkatan 1 sahaja).
- v. Membayar yuran asrama.
- vi. Memberi bantuan makan pagi dan tengahari bagi murid sekolah harian. JHEOA menyediakan minum pagi dan makan tengahari bagi murid yang tinggal di pedalaman di samping mendapat bantuan RMT dari KPM.

Selain bantuan di atas, JHEOA juga menyediakan beberapa program sejak tahun 2003 bagi memantapkan jati diri kanak-kanak Orang Asli yang bersekolah. Program yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. Integrasi Pelajar:
 - Program Anak Angkat
 - Perkhemahan Pelajar
 - Riadah (Rehlah)
 - Sukaneka Pelajar
- ii. Meningkatkan Kesedaran Pelajar:
 - Tabika Orang Asli
Terdapat sebanyak 223 buah tabika Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan 90% tenaga pengajar adalah terdiri daripada Orang Asli.
 - Kursus Motivasi
Kursus-kursus motivasi bertujuan memberi kesedaran dan motivasi kepada murid-murid Orang Asli juga telah diadakan. Kursus-kursus ini diuruskan oleh JHEOA di peringkat negeri. Para penceramah adalah terdiri daripada para profesional, penjawat awam dan Orang Asli yang berjaya sebagai *role-model*.

6. Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2008

- iii. Meningkatkan Pencapaian Pelajar:
- Tuisyen: Diuruskan oleh JHEOA negeri dan dijalankan secara berkala khasnya kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam.
 - Lawatan Sambil Belajar: JHEOA menyediakan peruntukan untuk aktiviti ini. Sekolah boleh memohon kepada JHEOA peringkat negeri untuk aktiviti lawatan ini ataupun JHEOA peringkat negeri akan menguruskan lawatan sambil belajar bagi murid dan ibu bapa.
- iv. Mengatasi Keciciran:
- Latihan Teknikal & Vokasional: Latihan ini diadakan untuk membantu remaja-remaja yang tercidir dari persekolahan. Mereka diberikan latihan bagi membantu mereka masuk ke alam pekerjaan. Latihan diadakan di Pusat Giat Mara, Damansara.
 - Kursus Jahitan: Kursus ini mempunyai matlamat sama seperti Latihan Teknikal dan Vokasional tetapi lebih khusus untuk remaja perempuan. Ia dijalankan di Majlis Latihan Vokasional Malaysia (MLVK) Kampung Paya Bungor, Maran, Pahang.

Pada tahun 2007, JHEOA dalam Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) telah mengadakan latihan seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9: Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya Kanak-Kanak dan Remaja Orang Asli 2007

Bil.	Nama Kursus	Lokasi Kursus	Bil. Peserta
1.	Kursus Forester	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Selangor (FRIM)	12
2.	Juru Kecantikan Andaman	C Tee Salon, Sri Manjung, Perak	12
3.	Kursus Pembaikan Telefon	Mc Orange Institute, Kuala Lumpur	10
4.	Kursus Industri Eletronik & Machatronic	Silicon Institute of Technology, Pulau Pinang	9
5.	Kursus Pelukis Pelan Senibina	Kolej Geomatika, Kuala Lumpur	4
6.	Kursus Marin	Ronaco Marin Sdn. Bhd. Kemaman, Terengganu	4
7.	Kursus Pemesinan Logam	PTPL Kuala Terengganu, Terengganu	9
8.	Kursus Domestik Wiring	Bitara College, Ipoh, Perak	8
9.	Kursus Penyelenggaraan Komputer	Pusat Kemahiran Era Timur, Kelantan	13
10.	Kursus Penyelenggaraan Hawa Dingin	Kolej Negeri, Seremban, Negeri Sembilan	6

Sumber: JHEOA "Laporan Tahunan 2007"

- v. Penubuhan *Focus Group* Pendidikan Orang Asli:
 - Pada bulan Ogos 2009, JHEOA telah menubuhkan *Focus Group* Pendidikan. Kumpulan ini dianggotai oleh pegawai dari KPM, Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT), Universiti, Badan Berkanun dan orang perseorangan. Mereka yang dipilih menganggotai kumpulan ini kebanyakannya berpengalaman dan berpengetahuan mengenai masyarakat Orang Asli dan juga pendidikan.

4.3 Peranan dan Usaha Jabatan Pendaftaran Negara

- i. Mengikut Pengarah Operasi Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan ini mempunyai Unit Bergerak yang kerap kali digunakan untuk membantu menyelesaikan isu ketiadaan dokumen pengenalan diri Orang Asli di kawasan luar bandar atau pinggir bandar.
- ii. Pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara peringkat negeri dengan kerjasama JHEOA negeri telah memasuki kampung-kampung di pedalaman dan daerah terpencil untuk memudahkan penduduk Orang Asli membuat dokumen pengenalan diri. Atas keprihatinan Jabatan ini, masalah Orang Asli tidak mempunyai dokumen pengenalan diri berkurangan. SUHAKAM mendapati di dua negeri yang dilawati iaitu daerah Gerik di Perak dan daerah Gua Musang di Kelantan, kedua-dua jabatan mempunyai hubungan dan kerjasama yang amat baik. Hal yang sama tidak berlaku di negeri Pahang daerah Lanchang di mana JHEOA Pahang belum begitu bersedia untuk memberikan kerjasama kepada JPN negeri.

4.4 Peranan dan Usaha Kementerian Kesihatan

- i. Jabatan Kesihatan Negeri menyediakan Klinik Desa yang dikendalikan oleh seorang jururawat masyarakat. Klinik Desa juga berfungsi sebagai tempat transit pesakit sebelum dibawa ke hospital. Klinik ini juga menyediakan ubat-ubatan asas seperti penahan sakit (panadol), ubat kutu, ubat cacing dan luka.
- ii. Masalah utama kesihatan di kalangan kanak-kanak Orang Asli ialah penyakit kulit, cacing, cirit-birit dan kutu. Jabatan Kesihatan sentiasa memberikan perhatian dan berusaha untuk menangani isu kesihatan kanak-kanak Orang Asli.
- iii. Jabatan Kesihatan juga mengadakan lawatan berkala ke penempatan-penempatan Orang Asli dalam usaha untuk membasmi penyakit vektor dan penyakit berjangkit. Secara tidak langsung, Jabatan Kesihatan memberi sumbangan kepada kehadiran murid di sekolah dengan memastikan mereka sihat dan tidak menjadi pembawa penyakit berjangkit.

BAB 5
PROGRAM SUHAKAM MENGENAI HAK
PENDIDIKAN KANAK-KANAK ORANG
ASLI 2002-2008



5.0 Pengenalan

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Seksyen 4 (1), menyatakan salah satu fungsi SUHAKAM:

“untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia”

Oleh itu, SUHAKAM banyak menjalankan program pendidikan hak asasi manusia kepada pelbagai kumpulan sasaran. SUHAKAM berpendapat, menggalak dan memberi pendidikan mengenai hak asasi manusia hendaklah dilaksanakan menerusi ilmu pengetahuan, meningkatkan kesedaran tentang nilai, kepercayaan dan sikap serta amalan.

Dengan itu, SUHAKAM telah mengadakan pelbagai program untuk memartabatkan hak Orang Asli di Malaysia. Ini termasuklah bengkel mengenai hak Orang Asli terhadap tanah adat, lawatan ke perkampungan Orang Asli serta menganjurkan kem hak asasi untuk remaja Orang Asli. Selain itu, SUHAKAM turut memainkan peranan dalam mengadakan sesi perbincangan dengan agensi Kerajaan mengenai isu-isu Orang Asli sebagai salah satu strategi untuk menarik perhatian pihak yang bertanggungjawab dalam sama-sama mencari jalan penyelesaiannya.

SUHAKAM bercadang untuk meneruskan usaha menyedarkan masyarakat Orang Asli dan agensi-agensi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal dan kesejahteraan Orang Asli mengenai kepentingan pendidikan sebagai salah satu dari hak asasi manusia yang penting.

SUHAKAM sedang berusaha untuk memenuhi beberapa peruntukan yang termaktub dalam beberapa perisytiharan dan konvensyen hak asasi untuk kesejahteraan kaum Orang Asli.

5.1 Program dan Aktiviti yang Dijalankan oleh SUHAKAM

5.1.1 Bengkel Hak Asasi Orang Asli

Ini merupakan antara program awal yang diadakan oleh SUHAKAM mengenai hak Orang Asli Semenanjung Malaysia dan Orang Asal⁷ di Sabah dan Sarawak.

Semasa bengkel ini berlangsung, pemimpin dan masyarakat Orang Asal/Asli, agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan dan ahli akademik telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan. Salah satu isu yang menjadi tumpuan adalah hak pendidikan masyarakat ini.

7 Orang Asal merujuk kepada kaum peribumi di negeri Sabah dan Sarawak

Jadual 10: Bengkel Hak Asasi Manusia Bersama Masyarakat Orang Asal /Asli pada tahun 2002

Tarikh	Tempat
12 Julai 2002	Miri, Sarawak
12 Oktober 2002	Kota Kinabalu, Sabah
30 Disember 2002	Kuala Lumpur

Hasil perbincangan di dalam bengkel ini, SUHAKAM telah menerbitkan satu laporan bertajuk "Hak Asasi Orang Asal". Laporan ini telah dihantar ke agensi Kerajaan yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Berikut adalah isu-isu pendidikan yang telah dirumuskan oleh SUHAKAM untuk perhatian agensi berkenaan:

- i. Kemudahan asas pendidikan yang tidak lengkap menjejaskan prestasi murid. Ini juga menyebabkan para guru tidak berminat dan tidak bersemangat untuk mengajar di kawasan luar bandar. Masalah ponteng bukan hanya berlaku kepada murid tetapi juga di kalangan para pengajar yang tidak berdedikasi. Akibatnya, murid di kalangan Orang Asal tidak mendapat pendidikan yang berkualiti dan berlaku banyak keciciran. Keciciran murid ini adalah tinggi iaitu lebih dari 60%.
- ii. Selain kurangnya kesedaran tentang pentingnya pendidikan, pertembungan antara perayaan tradisi komuniti Orang Asal dengan waktu persekolahan juga menjadi punca anak-anak Orang Asal tidak hadir ke sekolah.

Bagi murid Orang Asal yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, mereka sering kali terpaksa menolaknya kerana tidak mampu membiayai pengajian tersebut. Ini berlaku terutamanya pada awal peringkat pengajian tinggi di mana mereka terpaksa menyediakan wang pendahuluan yang banyak bagi tujuan pendaftaran dan sebagainya.

5.1.2 Lawatan ke Perkampungan Orang Asli

Selepas bengkel di atas, Kumpulan Kerja di SUHAKAM telah membuat pelbagai program lain yang berkaitan dengan hak tanah adat, hak Orang Penan di Sarawak, kesan pembinaan empangan hidroelektrik terhadap masyarakat pribumi dan juga menyiasat aduan yang dilaporkan kepada SUHAKAM oleh masyarakat ini.

Manakala Kumpulan Kerja Pendidikan pula telah memfokuskan kepada hak pendidikan dan pendaftaran kelahiran Orang Asli. Pada tahun 2005, SUHAKAM telah mengadakan beberapa siri lawatan ke perkampungan Orang Asli untuk meninjau sendiri keadaan Orang Asli dan hak pendidikan kanak-kanak Orang Asli.

Jadual 11: Lawatan SUHAKAM ke Perkampungan Orang Asli

Tarikh	Kawasan	Tempat yang dilawat
24 Mac 2005	Kuala Kubu Bharu, Selangor	i. Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak ii. Kampung Gerachi iii. Kampung Pertak iv. Kampung Buloh Telor
25-26 Mei 2005	Rompin dan Pekan, Pahang	i. Sekolah Kebangsaan Bandar Dua, Paloh Hinai ii. Kampung Bukit Serok, Rompin iii. Kampung Simpang Empat, Pekan iv. Kampung Langkap Lombong v. Kampung Bangkok, Pekan vi. Kampung Wawah vii. Kampung Patik Jelutong
21-23 Julai 2005	Grik, Perak	i. Sekolah Kebangsaan Banun ii. RPS Banun iii. Kampung Sg. Raba iv. Kampung Desa Ria v. Masyarakat berdekatan Sg. Belan vi. Kampung Bukit Asung

Hasil daripada lawatan tersebut, SUHAKAM telah berjaya mengumpul isu-isu pendidikan Orang Asli. Maklumat yang diperolehi adalah melalui hasil pemerhatian SUHAKAM semasa lawatan, temuramah bersama ketua komuniti seperti tok batin, masyarakat Orang Asli termasuk kanak-kanak serta guru-guru di sekolah yang dilawati. Antara isu pendidikan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- Masalah kewangan.
- Kesukaran memperolehi kemudahan persekolahan.
- Masalah pengangkutan ke sekolah.
- Mutu kemudahan asrama sekolah Orang Asli.
- Kurang motivasi daripada ibu-bapa untuk memastikan anak-anak mereka pergi ke sekolah.
- Masalah kanak-kanak Orang Asli untuk menguasai pelajaran di sekolah.
- Tiada kelayakan untuk menduduki peperiksaan kerana ketiadaan sijil kelahiran.

5.1.3 Perbincangan Meja Bulat – 2005

Kumpulan Kerja Pendidikan telah mengadakan satu Perbincangan Meja Bulat pada 25 Oktober 2005 untuk membincangkan isu-isu pendidikan hasil lawatan ke perkampungan Orang Asli. Komuniti Orang Asli, agensi Kerajaan dan badan bukan kerajaan telah dijemput ke perbincangan ini.

Antara isu yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- Taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli yang rendah mempengaruhi peluang pendidikan mereka.
- Tatacara pentadbiran hal Orang Asli dalam aspek pendidikan termasuk ketelusan pemberian bantuan kepada Orang Asli oleh JHEOA.
- Kaedah pendidikan arus perdana (*mainstream*) yang tidak bersesuaian dengan tahap kefahaman, penggunaan bahasa serta budaya kanak-kanak Orang Asli.
- Motivasi ibu bapa dan tahap kesedaran ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah.
- NGO serta individu-individu yang bekerja dengan Orang Asli kurang mendapat sokongan kewangan dan moral daripada kerajaan bagi meneruskan inisiatif mereka di dalam komuniti Orang Asli.
- Penempatan kanak-kanak Orang Asli di asrama sejak Tahun 1 kerana jarak sekolah yang jauh daripada kawasan penempatan mereka.

5.1.4 Bengkel Outreach Pendidikan Orang Asli 2007- 2008

Sejak akhir tahun 2007 pula, Kumpulan Kerja Pendidikan mengadakan Program Outreach Pendidikan Orang Asli. Program ini dijalankan bersama agensi Kerajaan seperti JHEOA, Jabatan Pelajaran, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Kebajikan dan Jabatan Kesihatan. Negeri-negeri ini dipilih kerana mempunyai ramai komuniti Orang Asli dan juga mempunyai banyak bilangan sekolah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Sila rujuk Jadual 12 untuk perincian Bengkel Outreach Pendidikan Orang Asli.

Jadual 12: Bengkel Outreach Pendidikan Orang Asli 2007-2008

Tempat	Negeri	Tarikh	Bilangan Peserta
Kuala Gandah, Temerloh	Pahang	3 November 2007	350 orang
RPS Kuala Betis, Gua Musang	Kelantan	22 Februari 2008	530 orang
Sungai Tiang, Gerik	Perak	4-5 Julai 2008.	350 orang
		Jumlah	1,230 orang

Program Outreach Pendidikan Orang Asli dijalankan oleh SUHAKAM berdasarkan maklumat dan data yang diperolehi daripada JHEOA dan KPM, lawatan-lawatan ke kampung Orang Asli, laporan NGO dan juga perbincangan dengan pihak berkenaan. SUHAKAM mendapati bahawa isu pendidikan seperti keciciran dan bilangan kanak-kanak tidak bersekolah di kalangan kaum Orang Asli tidak menunjukkan banyak perubahan walaupun KPM telah menjadikan pendidikan wajib bagi sekolah rendah. Selain itu, penguasaan kemahiran 3M di kalangan murid ini juga dimaklumkan tidak memberangsangkan. SUHAKAM berpendapat adalah perlu untuk mengetahui secara mendalam punca dan sebab masalah ini serta memberi syor dan cadangan untuk tindakan pihak yang berkenaan.

5.1.4 (a) Objektif Program Outreach

SUHAKAM telah mengadakan Program Outreach dengan objektif berikut:

- i. Untuk mendapatkan maklum balas yang terperinci mengenai isu-isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli.
- ii. Untuk meningkatkan kefahaman ibu bapa di kalangan masyarakat Orang Asli mengenai hak kanak-kanak terhadap pendidikan.
- iii. Untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa masyarakat Orang Asli agar memastikan anak mereka tidak tercicir dari persekolahan.
- iv. Untuk mendapat input serta pandangan daripada ibu bapa Orang Asli tentang corak pendidikan yang sesuai untuk anak mereka serta selaras dengan latar belakang budaya dan cara hidup Orang Asli.
- v. Input serta pandangan ini dapat dikaji serta diterima pakai oleh agensi Kerajaan yang relevan bagi memperbaiki mutu pendidikan untuk kanak-kanak Orang Asli di sekolah.
- vi. Untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Jabatan Pendaftaran Negara dalam menangani isu pendidikan

5.1.4 (b) Peserta:

Dalam Program Outreach ini SUHAKAM telah menjemput beberapa orang yang terdiri daripada peserta seperti senarai di bawah:

- i. Ibu bapa
- ii. Remaja (bersekolah atau tidak bersekolah)
- iii. Kanak-Kanak (4 tahun – 12 tahun satu kumpulan, 13-18 tahun satu kumpulan)
- iv. Kaum wanita
- v. Ketua Kampung, Tok Batin dan komuniti setempat

5.1.4 (c) Agensi Kerajaan yang hadir sama adalah seperti berikut:

Jadual 13 berikut adalah senarai jabatan dan agensi yang terlibat dalam program outreach.

Badan yang Terlibat	Agensi Kerajaan
Kementerian Pelajaran Malaysia	Jabatan Pelajaran Negeri; Pejabat Pelajaran Daerah; Guru Besar sekolah; guru-guru sekolah
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	Pegawai dari Ibu Pejabat; pegawai JHEOA Negeri dan pegawai JHEOA Daerah
Jabatan Pendaftaran Negara	Pegawai dari peringkat Negeri dan Daerah.
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan	Pegawai dari peringkat Negeri dan Daerah.
Jabatan Kebajikan Masyarakat	Pegawai Negeri Kelantan dan Perak.
Pesuruhjaya Sumpah	Pejabat Daerah Gerik, Perak.
Center For Orang Asli Concerns (COAC)	
Syarikat Educate To Learn Sdn. Bhd. (e2L)	

Berikut adalah jadual 14 aktiviti program outreach yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008.

Jadual 14: Aktiviti Program Outreach

Bil	Aktiviti
1	Pendaftaran para ibu bapa dan warga kampung dari kampung berkenaan.
2	Sesi penerangan oleh Pesuruhjaya SUHAKAM
3	Perbincangan dalam kumpulan bersama ibu bapa Orang Asli dengan dibimbing oleh para fasilitator dari SUHAKAM, JHEOA dan KPM.
4	Sesi dialog bersama wakil KPM, JHEOA, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan SUHAKAM.
5	Pendaftaran kelahiran atau kad pengenalan (Jabatan Pendaftaran dan JHEOA) dan sesi mengambil gambar foto untuk sijil kelahiran dan kad pengenalan. Sesi mengisi borang-borang pendaftaran.
6	Pendaftaran oleh pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mereka yang memerlukan bantuan dari jabatan berkenaan.
7	Pengesahan dokumen oleh Pesuruhjaya Sumpah (Penolong Pegawai Daerah [Daerah Gerik, Perak])
8	Pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan dari daerah berkenaan

Isu-isu yang dibangkitkan semasa Program Outreach ini dibincangkan di dalam Bab 6.

BAB 6
ISU PENDIDIKAN
KANAK-KANAK ORANG ASLI



6.0 Pengenalan

Kumpulan Kerja Pendidikan, sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, telah melaksanakan beberapa aktiviti semenjak 2002 sehingga 2008 seperti lawatan ke komuniti Orang Asli, bengkel, seminar, mesyuarat, perbincangan meja bulat dan program *Outreach* untuk mengetahui status hak pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Berdasarkan maklumat dan dapatan dari kesemua aktiviti dan program ini, SUHAKAM mendapati masyarakat Orang Asli menghadapi masalah bagi mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Berikut adalah masalah-masalah yang telah dikenalpasti oleh SUHAKAM:

6.1 Masalah Yang Dihadapi Oleh Murid Sekolah Orang Asli

6.1.1 Pengangkutan Ke Sekolah

Secara umumnya, pengangkutan adalah antara punca utama anak-anak Orang Asli sering tidak hadir ke sekolah. Berikut adalah masalah pengangkutan yang dikemukakan:

- i. Kenderaan yang sering lewat datang mengakibatkan anak mereka kerap lewat sampai ke sekolah dan masuk kelas. Apabila masuk lewat, mereka sering kali diejek oleh rakan sekelas dan ini menjadi antara sebab mereka malu untuk pergi ke sekolah.
- ii. Kenderaan yang disediakan kerap kali rosak. Masa untuk membaiki kenderaan agak lama sehingga 2-3 hari. Ini mengakibatkan mereka tidak hadir ke sekolah. Kadang-kala, ibu bapa tidak dimaklumkan mengenai kerosakan kenderaan. Oleh itu, mereka tidak mencari alternatif untuk menghantar anak ke sekolah.
- iii. Kenderaan yang disediakan tidak dapat menampung bilangan murid yang ramai menyebabkan murid terpaksa berhimpit-himpit dan berdiri sepanjang perjalanan pergi dan balik dari sekolah. Ini juga boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan murid.
- iv. Pengangkutan dari Kampung Setawar dan Kampung Bawik di daerah Kuala Betis, Kelantan tidak disediakan untuk murid Tadika dan Prasekolah di SK Kuala Betis. Ini mengakibatkan mereka terpaksa pergi awal dan pulang lewat kerana mengikut bas yang mengambil dan menghantar murid-murid di sekolah rendah.
- v. Murid-murid dari Kampung Setawar dan Kampung Bawik menyatakan mereka sukar menghadiri kelas tambahan, kelas ganti dan aktiviti kokurikulum kerana tiada kenderaan disediakan pada hari Sabtu atau pada sebelah petang.

- vi. Kehadiran pelajar asrama selepas cuti sekolah kerap menjadi masalah kerana setiap kali selepas cuti ramai daripada mereka tidak hadir ke sekolah atas alasan tiada kenderaan yang mengambil mereka. JHEOA pula menyatakan para pelajar tidak menunggu pada waktu yang ditetapkan. Pada tahun 2008, di SMK Tengku Putra 2 di Gua Musang, Kelantan sahaja seramai 20 daripada 148 orang pelajar tidak hadir ke sekolah selepas cuti penggal. Sementara di SK Tohoi di daerah Gua Musang, Kelantan seramai 30 daripada 70 orang murid tidak hadir ke sekolah kerana masalah yang sama.
- vii. Terdapat beberapa penempatan Orang Asli khususnya di daerah pedalaman tidak disediakan kemudahan pengangkutan sehingga kanak-kanak Orang Asli tidak dapat bersekolah langsung. Kawasan-kawasan yang dikenalpasti oleh SUHAKAM adalah Kampung Sungai Kejar dan Kampung Selaoh, Gerik, Perak dan Kampung Sungai Rening Genting Highlands, Pahang. Selain itu, terdapat juga penempatan Orang Asli yang tidak mempunyai jalan penghubung untuk memudahkan pengangkutan di kawasan tersebut.

6.1.2 Pemerolehan Dokumen Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan

- i. Dokumen pengenalan⁸ diri adalah salah satu isu yang penting dan yang masih belum dapat diselesaikan di kalangan Orang Asli walaupun agensi-agensi berkenaan cuba mempermudah lagi proses menyediakan dokumen pengenalan khas untuk Orang Asli. (Sila rujuk Jadual 15 untuk data murid yang tidak mempunyai sijil kelahiran sehingga tahun 2007)
- ii. Akibat ketiadaan dokumen pengenalan diri yang sah, murid Orang Asli menghadapi masalah untuk menduduki peperiksaan awam, mendapatkan bantuan kewangan mahu pun bantuan kebajikan yang lain. Selain itu, mereka juga akan berhadapan dengan masalah apabila berurusan dengan pihak luar. Dari segi kesan emosi-psikologi, mereka juga merasa terpinggir, rendah diri dan malu untuk bergaul dengan masyarakat luar.

8 Sumber: Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak Per.7: Hak untuk mendapat nama dan kerakyatan menyatakan “Kanak-kanak hendaklah didaftarkan sebaik selepas dilahirkan dan hendaklah mempunyai hak sejak lahir, mempunyai hak terhadap suatu nama, hak untuk memperolehi kerakyatan dan seboleh-bolehnya hak untuk mengetahui dan dijaga oleh ibu bapanya.” Per.8 : Memelihara identiti menyatakan “Negara mempunyai obligasi untuk melindungi, dan jika perlu, memantapkan semula aspek asas identiti termasuk kerakyatan dan hubungan kekeluargaan.”

Jadual 15: Data Bilangan Murid Orang Asli Yang Belum Mempunyai Sijil Kelahiran di Sekolah Murid Orang Asli Bagi Tahun 2007

BIL	NEGERI	BILANGAN		
		MURID	TIADA SIJIL KELAHIRAN	PERATUS TIADA SIJIL KELAHIRAN
1	PERAK (26/28 sekolah)	4,896	200	4.08
2	PAHANG	6,046	617	10.20
3	JOHOR	791	47	5.94
4	SELANGOR	1,545	93	6.01
5	KELANTAN	2,656	747	26.89
6	NEGERI SEMBILAN	630	112	17.77
7	TERENGGANU	151	42	27.81
	JUMLAH	16,715	1,858	11.11

Sumber: Jabatan Pendidikan Khas, KPM Tahun 2007

- iii. Di Kuala Gandah, Pahang masih terdapat lebih kurang 76 orang ibu bapa dan anak-anak Orang Asli yang belum mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan dari keempat-empat kampung yang terlibat (Kampung Kuala Gandah, Bukit Gabang, Sungai Lileh, Bukit Licin). (Sila rujuk Jadual 16 untuk data murid dan penduduk kampung yang tidak mempunyai sijil kelahiran semasa Program Outreach 2008)
- iv. SUHAKAM dengan kerjasama Centre for Orang Asli Concerns (COAC) telah mengambil inisiatif untuk mengambil gambar foto bagi kegunaan sijil kelahiran dan kad pengenalan. Sebanyak 76 gambar telah diambil untuk mereka yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan.
- v. Daripada 530 orang yang hadir di SK Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan hanya terdapat 50 orang yang masih belum mempunyai kad pengenalan dan 26 orang belum mempunyai sijil kelahiran. JHEOA Negeri Kelantan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara telah menjalankan operasi "Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan" secara berterusan sejak 2 tahun lalu. Kesemua 76 orang ini telah berjaya membuat dokumen mereka dalam program tersebut. (Sila rujuk Jadual 16).
- vi. Daripada 350 orang yang hadir di SK Sungai Tiang, Gerik, Perak, hanya terdapat 40 orang masih belum mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan. Pada hari berkenaan, sebanyak 26 kes sijil kelahiran dapat diselesaikan dan 6 lagi diproses kemudian. Seramai 8 orang masih dalam proses penyediaan kad pengenalan. Jumlah yang kecil ini adalah kerana JHEOA Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara daerah Gerik telah menjalankan operasi "Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan" secara berterusan sejak 3 tahun kebelakangan ini. Di semua program ini, SUHAKAM telah membawa bersama seorang penolong Pegawai Daerah dari Gerik yang bertindak sebagai Pesuruhjaya Sumpah bagi mempercepatkan proses penyediaan sijil kelahiran. (Sila rujuk Jadual 16)

Jadual 16: Data Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan dalam Program Outreach Hak Pendidikan Orang Asli 2008

Tempat	Bil. Hadir	Bil. Tiada KP/ Sijil Kelahiran	Bil. Selesai	Belum Selesai
Kuala Gandah, Lanchang, Pahang	230 orang	76 orang		76 orang
Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan	530 orang	50 tiada KP 26 tiada Sijil Kelahiran	76 dalam proses untuk diselesaikan	
Sungai Tiang, Gerik, Perak	350 orang	40 orang	26 sijil kelahiran 6 sijil kelahiran 8 KP dalam proses	

6.1.3 Bantuan Peralatan dan Kelengkapan Persekolahan

- i. Masyarakat Orang Asli khususnya di daerah pedalaman memaklumkan bahawa bantuan kelengkapan persekolahan kerap kali lewat dihantar dan difahamkan ada kalanya bantuan ini belum diterima sehingga akhir tahun.
- ii. Terdapat pakaian uniform yang diterima tidak mengikut saiz murid sehingga didapati tidak selesa dan sesuai digunakan.
- iii. Sekolah Kebangsaan Kuala Betis mengatasi masalah ini dengan menyediakan dahulu kelengkapan sekolah dan yuran sekolah dengan menggunakan wang sekolah. Pihak sekolah memotong wang KWAPM bagi mereka yang telah membeli melalui sekolah. Walaubagaimanapun, ini menimbulkan masalah apabila pihak ibu bapa mempersoalkan jumlah wang KWAPM yang mereka terima berbeza dengan jumlah yang sepatutnya mereka terima.
- iv. Masih terdapat sekolah yang lewat menerima bantuan kewangan yang disalurkan oleh KPM seperti bantuan wang pelaksanaan Kurikulum KAP. Dimaklumkan bahawa negeri Johor, Kelantan, Pahang dan Selangor adalah di antara negeri yang lewat menghantar bantuan kewangan KAP dan pakaian ko-kurikulum dan bantuan pakaian ko-kurikulum.
- v. Kemudahan infrastruktur asas seperti air bersih, bekalan elektrik 24 jam, kelengkapan dalam bilik darjah (papan tulis, kerusi meja, perabot, komputer yang berfungsi) kebanyakan adalah dalam keadaan daif atau tidak mencukupi untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

6.1.4 Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

- i. Ibu bapa di Kuala Gandah dan Kuala Betis menyatakan bahawa ada murid Orang Asli yang layak mendapat RMT tetapi tidak diberi oleh pihak sekolah.
- ii. Ibu bapa dari ketiga-tiga daerah yang dilawati menyatakan makanan yang disediakan untuk RMT tidak menepati kualiti dan kuantiti seperti yang dikehendaki. Makanan kadangkala didapati basi dan tidak menepati menu.
- iii. Walaubagaimanapun, SK Sungai Tiang memastikan semua murid diberi Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Sekolah menggunakan khidmat Kelab Guru SK Sungai Tiang untuk membeli bahan mentah. Antara aduan yang diterima ialah bahan yang dibeli adalah sentiasa sama iaitu sardin, ikan bilis dan bihun walaupun ada menu yang disediakan oleh pihak KPM.
- iv. Ibu bapa Sungai Tiang mengadu kebersihan makanan yang disediakan tidak memuaskan, akibatnya anak mereka kerap mengalami sakit perut dan cirit-birit.

6.1.5 Bantuan Kewangan JHEOA dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

- i. Terdapat Guru Besar yang tidak memberi KWAPM kepada murid Orang Asli kerana tiada dokumen pengenalan diri walaupun diperakukan oleh Tok Batin.
- ii. Ada sekolah yang memberi KWAPM dalam bentuk barangan dan wang selebihnya diberikan kepada ibu bapa. Terdapat ibu bapa yang tidak berpuas hati kerana tidak mendapat wang sepenuhnya walaupun dimaklumkan bahawa wang yang diterima adalah baki kepada pembelian keperluan anak-anak mereka.
- iii. Sekolah Kebangsaan Sungai Tiang memberi KWAPM dalam bentuk wang tunai kepada ibu bapa dan mereka akan membeli sendiri keperluan anak-anak mereka.
- iv. Terdapat sekolah yang gagal memaklumkan secara jelas dan terperinci mengenai perbelanjaan KWAPM kepada pihak ibu bapa
- v. Terdapat aduan dari masyarakat Orang Asli di daerah Kampar, Perak bahawa masih terdapat perbezaan jumlah bayaran KWAPM di antara dua sekolah di daerah yang sama iaitu di SK Kuala Dipang di mana murid mendapat RM700.00 seorang, sementara di SK Sahom mereka hanya mendapat RM200.00 dan pada tahun 2008 tidak seorang pun murid di sekolah ini mendapat KWAPM. Kes yang sama berlaku di SK Pos Kemar, Gerik, Perak pada tahun 2007 di mana kesemua murid tidak mendapat bantuan KWAPM

6.1.6 Keprihatinan Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru

- i. Ramai ibu bapa dan murid Orang Asli yang menyatakan bahawa terdapat pihak pentadbir sekolah dan guru yang tidak prihatin tentang kehadiran mereka di sekolah mahu pun dalam kelas, khususnya di sekolah menengah. Mereka mengatakan terdapat segelintir pihak pentadbir dan guru yang mengeluarkan kata-kata dan tindak-tanduk yang membuatkan murid Orang Asli merasa terpinggir, terhina dan rendah diri.
- ii. Ada ibu bapa di ketiga-tiga tempat program dijalankan menyatakan bahawa terdapat juga kes-kes guru tidak berada dalam kelas, lewat masuk kelas, tidak masuk mengajar sepenuh masa dan ada kalanya mereka keluar atas urusan rasmi sehingga hanya tinggal seorang guru sahaja.
- iii. Terdapat sekolah yang kerap kali ditutup pada hari Khamis kerana guru balik kampung dan tidak dibuka pada hari Ahad kerana mereka belum pulang dari kampung.
- iv. Terdapat kes di mana kesemua tukang masak asrama pulang bercuti sehingga murid tidak dapat makan dan ibu bapa terpaksa menghantar makanan walaupun menghadapi masalah pengangkutan.
- v. Ibu bapa semasa di ketiga-tiga program merasakan pendekatan pengajaran dan isi kandungan mata pelajaran haruslah sesuai dengan keperluan Orang Asli berlandaskan budaya, latar belakang, adat resam dan persekitaran supaya lebih bermakna kepada mereka.

Ibu bapa menyatakan walaupun hubungan dengan sekolah baik, namun mereka memerlukan maklumat dan maklumbalas berkaitan pendidikan anak-anak mereka seperti dasar sekolah mengenai pemberian bantuan pendidikan wang KWAPM, kelengkapan persekolahan dan aktiviti-aktiviti sekolah. Walaupun ada PIBG, namun komunikasi antara pihak sekolah dan ibu bapa kurang jelas dan ini menyebabkan berlaku salah faham antara ibu bapa dengan pihak sekolah.

Murid Orang Asli memang diketahui suka bersukan, namun mereka menyatakan bahawa mereka kerap kali terpinggir dalam menyertai aktiviti sukan atau dipilih untuk mewakili sekolah. Keadaan ini membuatkan mereka merasa tidak dihargai dan berlaku diskriminasi terhadap mereka.

6.1.7 Pengajaran dan Pembelajaran

- i. Murid dan bekas murid dari ketiga-tiga daerah mengatakan bahawa :
 - Cara guru mengajar kerap kali membosankan dan tidak berjaya menarik perhatian murid.
 - Isi kandungan pelajaran sukar difahami kerana banyak perkara baru yang mereka tidak tahu.
 - Tidak dapat memahami pengajaran guru kerana masalah bahasa (Bahasa Melayu adalah bahasa kedua bagi kanak-kanak ini).
 - Guru tidak ada di sekolah kerana urusan-urusan di luar sekolah.
 - Bahan bantuan mengajar tidak mencukupi kerana kurang bahan dibekalkan atau kurang dijaga dengan baik sehingga tidak sesuai lagi untuk digunakan.
 - Bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran kurang sesuai dengan latar belakang, kebolehan dan keperluan murid khususnya di sekolah pendalaman.
 - Pusat Sumber Sekolah (PSS) kurang mempunyai buku bacaan, buku rujukan murid dan guru dan alat bantu mengajar yang tidak sesuai, tidak berfungsi serta tidak mencukupi untuk kegunaan murid.
 - PSS tidak dimanfaatkan dengan berkesan dari segi susun atur bahan, kekerapan penggunaan bahan dan sumber serta tiada perancangan untuk penambahbaikan pengurusan dan penggunaan PSS.
 - Guru kurang pengalaman dan kemahiran untuk mengajar murid Orang Asli yang mempunyai keperluan unik bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Guru tidak boleh bertutur dalam bahasa Orang Asli untuk memudahkan komunikasi dua hala dan komunikasi berkesan khususnya untuk murid Tahap 1. Sebilangan besar murid Orang Asli di Tahap 1 menyatakan mereka tidak boleh mengikuti pengajaran guru kerana mereka tidak faham Bahasa Melayu. Ini mungkin ada kebenarannya kerana di SK Sungai Tiang, SUHAKAM telah membuat ujian tahap pencapaian kebolehan membaca dan menulis (2M) ke atas 40 orang murid sekolah yang dipilih secara rawak. (Sila rujuk Lampiran 4 dan Lampiran 5).
 - Murid suka belajar dengan guru yang boleh bertutur dalam bahasa mereka.
 - Pengajaran guru terlalu terikat dengan sukatan pelajaran dan peperiksaan awam.

- ii. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menyediakan Kurikulum Bersepadu Murid Orang Asli dan Penan pada tahun 2007. Antara tujuannya adalah untuk menggalakkan murid hadir ke sekolah. Namun, laporan BPK setelah membuat pemantauan pada Julai 2009 menyatakan “kehadiran murid masih belum konsisten seperti yang diharapkan”. Penglibatan ibu bapa perlu digiatkan lagi. Walaupun peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran di Tahap 1 hanya ditumpukan kepada kemahiran 3M, masih terdapat murid yang tidak menguasai kemahiran tersebut”.

6.1.8 Penempatan Guru Besar dan Guru

- i. Terdapat kepimpinan sekolah yang kurang komitmen dan motivasi yang ditempatkan di sekolah Orang Asli. Ibu bapa memaklumkan bahawa pihak kepimpinan sekolah kerap tidak berada di sekolah. Sekolah pula mempunyai ramai guru-guru baru yang tidak berpengalaman mengajar dan mengurus sekolah. Akibatnya, banyak berlaku pelanggaran dasar dan ketidakpatuhan kepada arahan-arahan perintah am oleh kepimpinan sekolah dan guru-guru. Contohnya, peralatan dan kelengkapan sekolah banyak yang rosak dan tidak mencukupi seperti kerusi-meja murid, papan tulis, guru masuk lewat, Guru Besar kerap tiada di sekolah dan menu RMT amat berbeza dengan menu yang disediakan oleh KPM.
- ii. Berdasarkan temubual dengan guru, didapati kebanyakan guru ini adalah guru baru dan belum cukup pengalaman untuk menjadi guru efektif yang berupaya menangani keperluan unik anak-anak Orang Asli. Mereka juga amat kurang pengetahuan dan pengalaman untuk menjalankan kerja-kerja pengurusan dan kepimpinan. Sila rujuk Jadual 17 Data Pengalaman Mengajar Guru.

Jadual 17: Data Pengalaman Mengajar Guru SK Sungai Tiang Tahun 2008

Bil	Tahun Mengajar	Gred. Jawatan	Jumlah
1.	30 tahun	DG 32	1
2.	6 tahun	DG 41	1
3.	2 tahun	GSTT (DG 41)	1 (guru Pemulihan)
4.	1 tahun 7 bulan	DG 41	2
5.	7 bulan	DG 41	3

- iii. Terdapat juga aduan ibu bapa mengenai guru memukul murid sehingga murid berasa takut untuk datang ke sekolah. Guru ini juga dimaklumkan telah melakukan salah laku yang mencemarkan nama penjawat awam tetapi pihak berkenaan lewat mengambil tindakan.

6.1.9 Sikap ibu bapa dan murid Orang Asli

- i. Ada di kalangan ibu bapa Orang Asli tidak memberi penekanan kepada pendidikan anak-anak mereka walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai jenis agensi kerajaan dan NGO.
- ii. Terdapat murid Orang Asli yang mengakui mereka malas dan tidak berminat langsung untuk pergi ke sekolah sebaliknya lebih suka bermain atau mahu berkahwin.
- iii. Terdapat ibu bapa yang mempunyai mentaliti subsidi yang tinggi sehinggakan kesemua perbelanjaan persekolahan anak mereka perlu ditanggung oleh kerajaan termasuk makan dan minum anak-anak mereka.
- iv. Terdapat ibu bapa dan murid yang tidak menghargai bahan-bahan bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka, seperti menjaga kesempurnaan barangan tersebut sehinggakan banyak yang hilang atau rosak. Contohnya kasut, pakaian sekolah, buku teks, buku tulis dan alat tulis. Hal yang sama dengan penjagaan keselamatan dan kesempurnaan alat kemudahan dan kelengkapan dalam bilik darjah dan sekolah.
- v. Melalui perbincangan bengkel, didapati masih terdapat ibu bapa yang tidak tahu adanya bantuan daripada KPM dan JHEOA seperti KWAPM, RMT, kelengkapan asrama dan uniform aktiviti kokurikulum.

6.1.10 Kanak-Kanak Yang Tidak Dapat Bersekolah

- i. Terdapat 2 buah perkampungan di daerah Gerik iaitu Kampung Sg. Kejar dan Kampung Selaoh di mana kanak-kanak tidak bersekolah langsung kerana tiada kemudahan disediakan oleh KPM dan JHEOA. Bilangan mereka yang tidak bersekolah di Kampung Sungai Kejar ialah seramai 52 orang kanak-kanak yang berumur antara 6-12 tahun dan seramai 23 orang pula berumur antara 13-17 tahun. Sementara di Kampung Selaoh terdapat 42 orang berumur 6-12 tahun dan 12 orang berumur 13-17 tahun. Keadaan ini telah berlarutan selama lebih 4 tahun. Sebagai respons kepada laporan SUHAKAM, pihak KPM melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Menangani Isu Pendidikan Orang Asli dan Penan Bil.1/2009 pada bulan Ogos 2009 yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri KPPM telah bersetuju untuk menyediakan Sekolah Cawangan SK Sungai Tiang. Sekolah ini akan menggunakan Kurikulum Bersepadu Murid Orang Asli dan Penan (KAP) dan juga melaksanakan Kelas Dewasa untuk ibu bapa selewatnya pada awal tahun 2010. Sementara itu, atas cadangan SUHAKAM, JHEOA telah menjalankan kelas "Penggalak Membaca"⁹ yang diuruskan oleh pegawai-pegawai JHEOA daerah Gerik sejak pertengahan tahun 2009. Semasa lawatan SUHAKAM bersama JHEOA pada 21 Oktober untuk perbincangan dan melihat tapak sekolah, didapati kesemua kanak-kanak begitu berminat mengikuti kelas dan lebih kurang 5 orang telah mengenal huruf. Dua buah keluarga dimaklumkan telah menghantar anak mereka ke SK Sungai Tiang. Ibu bapa juga turut berminat mengikuti program berkenaan.
- ii. Di daerah Gua Musang juga, masih terdapat kanak-kanak yang tidak bersekolah walaupun disediakan kemudahan seperti pengangkutan dan asrama. Di kawasan Kampung Kuala Betis sahaja, terdapat lebih kurang 20 kanak-kanak yang tidak bersekolah.
- iii. SUHAKAM mendapati semasa lawatan pada 21 September 2007 ke Kampung Rening, Cameron Highland seramai 34 orang kanak-kanak Orang Asli yang berumur dari 6-12 tahun tidak pernah bersekolah. Ini berlaku berikutan tiada sebarang kemudahan pengangkutan yang disediakan bagi kegunaan mereka ke sekolah. Sementara itu, seramai 20 orang remaja Orang Asli yang berumur 18 tahun ke bawah hanya bersekolah sehingga Tahap 1 sekolah rendah.

⁹ Program Penggalak Pembaca adalah program intervensi oleh JHEOA untuk mengatasi buta huruf di kalangan komuniti Orang Asli.

6.1.11 Satu Agensi Untuk Mengurus Pendidikan Orang Asli

- i. Peserta bengkel kerap kali mencadangkan supaya urusan pendidikan anak-anak mereka diuruskan oleh satu agensi sahaja kerana terdapat pelbagai masalah apabila ianya diuruskan oleh beberapa agensi. Antara masalah yang sering berlaku ialah percanggahan maklumat, kecelaruan mengenalpasti punca sumber maklumat dan bantuan, mengenalpasti tempat untuk mengadu, dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu isu.

SUHAKAM telah mencadangkan beberapa syor untuk mengatasi atau mengurangkan masalah-masalah ini di Bab 7



BAB 7
SYOR SUHAKAM



7. SYOR SUHAKAM

Pengenalan

Berikut adalah syor SUHAKAM berdasarkan maklumat yang diperolehi dari perbincangan semasa bengkel, temu bual bersama masyarakat Orang Asli, agensi Kerajaan dan para fasilitator serta maklumat dari lawatan-lawatan ke kampung, seminar dan perbincangan meja bulat (yang telah dibentangkan dalam Bab 6).

7.1 Pengangkutan

- i. JHEOA dicadangkan dapat berusaha untuk menyelesaikan masalah pengangkutan di kawasan yang terlibat dari segi menyediakan jalan, kualiti kenderaan yang disediakan, kekerapan kebolegunaan pengangkutan, keselesaan dan keselamatan penggunaan pengangkutan dan ketepatan masa. Ini bertujuan supaya isu pengangkutan tidak lagi menjadi masalah berpanjangan dan berlarutan sehingga memberi implikasi yang serius dalam mengatasi masalah kehadiran murid ke sekolah.
- ii. JHEOA juga disyorkan supaya mewujudkan unit pengangkutan di Jabatan sendiri memandangkan isu ini adalah antara punca ramai kanak-kanak tidak hadir ke sekolah. Dengan tertubuhnya unit ini, JHEOA akan lebih mudah memantau dan menguruskan pengangkutan khususnya untuk murid Orang Asli di pedalaman.
- iii. Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah pengangkutan, SUHAKAM mengesyorkan agar KPM menyediakan lebih banyak sekolah yang berkonsepkan K9 seperti di SK Bandar Baru 2 Paloh Hinai, Pekan, Pahang atau Projek Sekolah Baling di mana murid-murid akan bersekolah di sekolah yang sama dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3.

7.2 Pemerolehan Dokumen Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan

- i. JHEOA dicadangkan supaya menjalankan lebih banyak 'Operasi Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan' seperti yang dijalankan di Gua Musang, Kelantan dan Grik, Perak. Operasi tersebut berjaya mengurangkan kanak-kanak Orang Asli yang tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan.

7.3 Bantuan Peralatan dan Kelengkapan Persekolahan

- i. JHEOA dan KPM boleh bekerjasama dalam menilai semula sistem pemantauan pengurusan bantuan dari aspek kualiti, kuantiti dan piawaian bahan ke daerah pedalaman dan terpencil supaya tidak berlaku penyimpangan dari dasar-dasar yang telah ditetapkan. Contohnya, pengurusan kewangan dan pembelian peralatan dan kelengkapan sekolah seperti kerusi-meja dalam kelas, bahan bantu mengajar seperti buku rujukan guru, buku di bilik sumber sekolah, kualiti makanan RMT dan juga makanan tengahari murid sekolah harian, pengangkutan murid ke sekolah dan kelewatan pembaikan peralatan ICT.
- ii. KPM boleh memantau sama ada kelengkapan fizikal sekolah-sekolah pedalaman dan terpencil adalah mencukupi dan berfungsi supaya guru dan murid selesa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- iii. KPM juga dicadangkan melihat semula kemudahan asas dan penginapan guru supaya mereka rasa selesa dan selamat untuk bertugas di daerah pedalaman dan terpencil.

7.4 Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

- i. Makanan yang diberikan hendaklah menepati menu yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, berkhasiat dan bersih.

7.5 Bantuan Kewangan JHEOA dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

- i. Jabatan Pelajaran Negeri perlu mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan bahawa tidak berlaku pencairan maklumat kepada pegawai pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan guru-guru, khasnya di sekolah yang ada murid Orang Asli dan juga sekolah pedalaman. SUHAKAM mendapati terdapat pelbagai tafsiran tentang peraturan dan kelayakan pemberian KWAPM, biasiswa kecil, bantuan pakaian dan peralatan persekolahan, bantuan kewangan dari JHEOA, pemberian RMT dan insuran Takaful.
- ii. Ibu bapa murid dan masyarakat setempat hendaklah dimaklumkan mengenai bentuk dan kaedah bantuan yang diberikan kepada murid Orang Asli supaya tidak berlaku salah faham dan syak wasangka terhadap KPM dan JHEOA.
- iii. Bantuan ini seeloknya disampaikan pada waktu yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan akan menyulitkan proses pembelajaran.

7.6 Keprihatinan Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru

- i. Pihak pengurusan sekolah dan guru-guru di sekolah menengah dan rendah yang mempunyai murid Orang Asli diharap benar dapat mengamalkan sikap mesra Orang Asli. Keprihatinan pihak pengurusan sekolah dan guru-guru akan dapat meningkatkan harga diri dan maruah anak-anak Orang Asli.
- ii. Adalah dicadangkan supaya pihak ibu bapa dan komuniti setempat dilibatkan seramai dan sekerap mungkin dalam aktiviti dan program sekolah supaya mereka dapat merasakan bahawa mereka turut menyumbang kepada pendidikan anak mereka.
- iii. Adalah dicadangkan supaya pihak pengurusan dan guru-guru berkenaan berusaha untuk memahami adat resam dan budaya serta latar belakang kaum Orang Asli untuk meningkatkan kesefahaman dan kemesraan di kalangan mereka.

7.7 Pengajaran dan Pembelajaran

- i. KPM mungkin dapat meninjau semula pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi murid-murid Orang Asli memandangkan mereka datang dari latar belakang budaya dan cara hidup yang agak berlainan dari kanak-kanak arus perdana. Punca kenapa masih ramai murid Orang Asli tidak dapat menguasai kemahiran 3M perlu dikenalpasti.
- ii. Tanpa menjejaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, KPM diharap dapat mempertimbangkan penggunaan bahasa ibunda Orang Asli di mana sesuai dan jika keadaan mengizinkan, terutama di tahap awal persekolahan untuk memastikan murid tidak menghadapi masalah komunikasi dan memahami pengajaran guru. Tetapi, apabila murid-murid ini telah dapat memahami Bahasa Melayu, pengajaran/pembelajaran hendaklah dilaksanakan sepenuhnya dalam Bahasa Melayu.
- iii. Keberkesanan Kurikulum Bersepadu Murid Orang Asli dan Penan (KAP) ditingkatkan dari segi pengisian kurikulum, latihan guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar.
- iv. KPM boleh menyelitkan pengetahuan kemahiran hidup yang sesuai dengan keperluan seharian Orang Asli bagi murid yang lemah dan tidak menguasai kemahiran asas 3M serta berkemungkinan tidak akan menamatkan pelajaran.
- v. Pihak sekolah harus mengurus Pusat Sumber Sekolah dengan baik supaya semua bahan seperti komputer, TV, carta, gambar, buku rujukan dan buku bacaan yang ada boleh diguna dan dimanfaatkan oleh warga sekolah.

7.8 Penempatan Guru Besar dan Guru

- i. KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri diharap dapat membekalkan guru-guru berpengalaman dan dedikasi ke sekolah-sekolah di mana terdapat ramai anak-anak Orang Asli untuk mengurangkan masalah pembelajaran mereka.

7.9 Sikap ibu bapa dan murid Orang Asli

- i. Ibu bapa yang masih tidak memberi penekanan terhadap kepentingan pendidikan anak-anak mereka boleh dibantu untuk mengubah sikap mereka. Program motivasi yang sedang dilaksanakan oleh JHEOA boleh ditinjau lagi untuk meningkatkan keberkesanannya.
- ii. JHEOA dan KPM dicadangkan untuk melibatkan masyarakat Orang Asli dalam pembentukan dasar dan peraturan mengenai pembelajaran anak-anak supaya pandangan dan idea mereka diambilkira. Ini akan meningkatkan lagi rasa tanggungjawab mereka.

7.10 Kanak-Kanak Yang Tidak Dapat Bersekolah

- i. Dicapangkan supaya JHEOA dapat mengumpul data dan maklumat mengenai di mana terdapat anak-anak Orang Asli yang tidak bersekolah. Maklumat seperti ini akan dapat membantu KPM merancang kaedah yang sesuai bagi memastikan semua kanak-kanak Orang Asli bersekolah.
- ii. Isu kanak-kanak yang tidak bersekolah langsung akibat tiada kemudahan adalah satu perkara yang serius. Selain tidak memenuhi peruntukan Artikel 26 dalam UDHR dan Artikel 28 dalam CRC mengenai hak mendapat pendidikan, ianya bertentangan dengan dasar mengenai Pendidikan Wajib untuk semua kanak-kanak terutamanya pendidikan sekolah rendah.

7.11 Satu Agensi Untuk Mengurus Pendidikan Orang Asli

- i. KPM telah menubuhkan unit khas bagi menyelaras isu-isu pendidikan kaum pribumi di Bahagian Pendidikan Khas. Diharap unit khas ini dapat membentuk kerjasama yang erat dengan JHEOA untuk memudahkan penyelarasan dan keberkesanan fungsi unit khas ini. SUHAKAM bersetuju dengan cadangan yang telah dibangkitkan berkali-kali oleh masyarakat Orang Asli yang ingin melihat hal-hal pendidikan dikendalikan oleh satu agensi sahaja.

BAB 8
RUMUSAN



8.0 RUMUSAN

Masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli bukanlah sesuatu yang baru. Masalah-masalah ini telah lama wujud dan berpanjangan. Kerajaan telah memperuntukkan berjuta ringgit pada setiap tahun kepada agensi yang terlibat untuk kesejahteraan masyarakat Orang Asli, tetapi masih wujud jurang yang besar dari segi pencapaian sosio-ekonomi, jika dibandingkan dengan masyarakat arus perdana.

SUHAKAM sedar bahawa pihak berkuasa dan agensi-agensi yang berkenaan arif mengenai perkara-perkara ini dan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah ini. SUHAKAM berharap usaha dan langkah yang komprehensif dan sistematik dapat diambil oleh pihak bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang sering dibangkitkan oleh Orang Asli, terutamanya dalam sistem penyampaian perkhidmatan oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terhadap pendidikan Orang Asli. SUHAKAM berhasrat agar hak asasi masyarakat Orang Asli terjamin dan masyarakat Orang Asli dapat menikmati hidup setaraf dengan rakyat Malaysia yang lain.



LAMPIRAN



Lampiran 1

Populasi Mengikut Suku Kaum Pada Tahun 2003

Kategori	Suku Kaum	Populasi
Negrito	Kensiu	232
	Kintak	157
	Jahai	1,843
	Lanoh	350
	Mendriq	164
	Batek	1,255
	4,001	
Senoi	Semai	43,892
